05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NILAI ESTETIKA PADA MOTIF BATIK TRADISIONAL KELANTAN

NOR HASILAH BINTI MOHAMED ALI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2009

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NILAI ESTETIKA PADA MOTIF BATIK TRADISIONAL KELANTAN

NOR HASILAH BINTI MOHAMED ALI

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2009

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

02.04.2009

.....

Nor Hasilah binti Mohamed Ali
(M20061000182)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DECLARATION

I hereby declare that the word in this dissertation is my own except for quotation and summaries which heve been duly acknowledge.

02.04.2009

.....

Nor Hasilah binti Mohamed Ali
(M20061000182)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Buat Suami Tercinta Mohd Rahimi bin Yusoff
Terima kasih tidak terhingga atas dorongan dan semangat yang
Diberikan sepanjang tempoh pengajian di peringkat Sarjana ini.

Buat Anak-Anak Yang Amat Disayangi
Mohamed Hazim Fahmi
Mohamed Hanif Fahmi
Mohamed Hafiy Fahmi
Siti Haisyah Fathma

Buat Penyelia
Drs. Izani bin Mat II M. Hum
Terima Kasih di atas curahan ilmu yang amat bernilai ini dan segala dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penulisan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pensyarah-Pensyarah
Prof. Madya Zulkifli Yusoff, Dr Ahmad Suhaimi Mohd Noor,
Prof. Madya Iberahim Hassan, Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi,
Dr. Abdul Halim Husain, En Roskang Jailani,
En Hassan Mohd Ghazali dan lain-lain,
Terima kasih di atas ilmu yang diberikan.

Staf Fakulti & Muzik Serta Staf Pasca Siswazah UPSI

Saudara Mara Dan Rakan-Rakan Seperjuangan
Terima Kasih di atas pertolongan dan dorongan.

Terima Kasih Semua
Jasa Kalian Tetap Dikenang Sepanjang Hayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

NILAI ESTETIKA PADA MOTIF BATIK TRADISIONAL KELANTAN

'Nilai Estetika Pada Motif Batik Tradisional Kelantan' mengupas apakah motif-motif pada batik tradisional Kelantan, mengetahui nilai-nilai estetika disebalik motif batik tradisional Kelantan dan hubungan masyarakat Melayu dengan motif-motif batik tradisional Kelantan. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini seperti kaedah permerhatian, kaedah kajian pustaka dan kaedah tringulasi data.Terdapat beberapa jenis motif pada motif batik tradisional seperti motif flora, motif fauna, motif geometri, motif abstrak dan motif isen tetapi pengkaji mengkaji tiga jenis motif yang utama seperti motif flora, motif fauna dan motif geometri. Motif-motif yang diilhamkan dari unsur-unsur semulajadi dipersekitaran masyarakat Melayu, melalui motif-motif ini melambangkan nilai-nilai kelembutan, nilai perpaduan, bersifat sopan santun, berbudi pekerti, nilai kasih sayang, nilai hormat menghormati dalam masyarakat. Nilai pengajaran diterjemahkan atau disimbolkan melalui motif yang diilhamkan sebagai pedoman dan nasihat. Nilai-nilai estetika yang dapat dilihat sebalik motif batik melalui pengamatan dan suasana kesenian dan keindahan ciptaan. Nilai ini dapat dilihat melalui estetika formal dan estetika non formal. Hubungan masyarakat Melayu dengan motif-motif batik dapat digambarkan melalui kehalusan kesenian yang dihasilkan berdasarkan persekitaran masyarakat dengan alam semulajadi dan kehidupan seharian mereka melalui nilai-nilai pengajaran, pendidikan dan pedoman kepada masyarakat Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

THE ESTETICAL VALUE MOTIF OF BATIK TRADISIONAL KELANTAN

'The Estatical Value Motif Of Batik Tradisional Kelantan'.The reason of this research is to identity the main motif that be used in batik tradisional Kelantan., the estatical value and the connection between Malay community with the batik tradisional Kelantan motif. There are a few approach that can be used by the research in this type pf research, such as material analysis, library analysis and data tringulasion approach. A few motif that been used to batik tradisional like flora motif, fauna motif, geometri motif, abstract motif and the last one is isen motif, but most of the researcher give more attention to the main motif, they are flora, fauna and geometri. These motif are the ideas that fram natural element of Malay society. These motif represent softness, united, courteonsness, kindness, love and respect in Malay society. These lessons been translated or been symbolized through those motif. The estatical element in batik motif can be seen through observation, of that artistical way. The estatical element can be seen through formal estatical and non formal estatical. The connection between Malay society and those batik motif are been described through these artistical warks based on natural environment and daily life routine that have all the moral value, education and lessons to Malay society themselves.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		**ii**
DECLARATION		**iii**
PENGHARGAAN		**iv**
ABSTRAK		**v**
ABSTRACT		**vi**
KANDUNGAN		**vii**
BAB 1	**PENDAHULUAN**	
1.1	Pengenalan	1- 4
1.2	Latar Belakang Kajian	4- 7
1.3	Persoalan Kajian	7- 10
1.4	Rumusan Persoalan	10
1.5	Batasan Kajian	10
1.6	Tujuan Penyelidikan	11
1.7	Faedah Kajian	12
1.8	Tinjauan Pustaka	12-15
1.9	Landasan Teori	15-21
1.10	Metodologi Kajian	21
1.11	Pendekatan Kajian	21
1.12	Jenis Data	22
1.13	Sumber Data	22

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.14 Kaedah Pengumpulan Data 22-34

1.15 Kaedah Analisis Data 24

1.16 Kaedah verifikasi data 25

1.17 kaedah Tringulasi Data 25

1.19 Penggantungan Data 26

1.20 Kaedah Interprestasi Data 27

1.21 Penarikan Kesimpulan 28

BAB 2 LATAR BELAKANG SEJARAH DAN SOSIAL BUDAYA MASYARAKAT MELAYU NEGERI KELANTAN

2.1 Latar Belakang Sejarah Negeri Kelantan 29-30

2.2 Latar Belakang Sejarah Batik Negeri Kelantan 30-34

2.3 Latar Belakang Budaya Masyarakat Melayu Kelantan 34

2.3.1 Struktur Politik Masyarakat Melayu Kelantan 35-36

2.3.2 Latar Belakang Kekerabatan Masyarakat Melayu Kelantan 36-38

2.3.3 Latar Belakang Ekonomi Masyarakat Melayu Kelantan 39-40

2.3.4 Latar Belakang Pendidikan Masyarakat Melayu Kelantan 40-43

2.3.5 Latar Belakang Adat Dan Kepercayaan Masyarakat Melayu Kelantan 43-44

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6 Latar Belakang Nilai dan Norma Masyarakat Melayu Kelantan 44-47

BAB 3 MOTIF-MOTIF BATIK TRADISIONAL KELANTAN

3.1 Jenis Dan Bentuk Batik Tradisional Kelantan 48

3.1.1 Batik Blok 48-49

3.1.2 Batik Lukis 49-50

3.2 Motif-Motif Batik Tradisional Kelantan 50

3.2.1 Motif Flora 50-53

3.2.1.1 Motif Bunga Cempaka 53

3.2.1.2 Motif Daun Sireh Emas 53

3.2.1.3 Motif Bunga Teratai 54

3.2.1.4 Motif Bunga Raya 54

3.2.1.5 Motif Bunga Mawar 55

3.2.1.6 Motif Bunga Tanjung 55

3.2.2 Motif Fauna 59

3.2.2.1 Motif Ikan 59-60

3.2.2.2 Motif Ayam Jantan 60

3.2.2.3 Motif Kupu-Kupu 60

3.2.2.4 Motif Sawat 61

3.2.3 Motif Geometri 63-66

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.3.1	Motif Kisi-Kisi	66-67
3.2.3.2	Motif Buntut siput	67
3.2.3.3	Motif Pucuk Rebung	67-68
3.2.3.4	Motif Parang Rosak	68
3.2.3.5	Motif Kipas	68-69
3.2.3.6	Motif Jalur	69
3.2.4	Motif Kosmos	71
3.2.5	Motif Abstrak	71-73
3.2.6	Motif Kaligrafi	73
3.2.7	Motif Isen	74

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 NILAI ESTETIKA PADA BATIK TRADISIONAL KELANTAN

4.0	Pengenalan	75-81
4.1	Motif Flora	81-92
4.2	Motif Fauna	93-104
4.3	Motif Geometri	105-119

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 MOTIF BATIK DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT MELAYU KELANTAN

5.1 Nilai Estetika Yang Terdapat Pada Motif Batik Tradisional Kelantan 120-122

5.2 Motif Batik dan Hubungannya Dengan Persekitaran 122-128

5.3 Motif Batik Dan Hubungannya Dengan Pemikiran Masyarakat Melayu 128-137

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan 138-140

6.2 Cadangan 140-141

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Negara kita amat kaya dan popular dengan kraf tradisional. Salah satu daripadanya ialah kraf batik. Batik merupakan warisan budaya negara yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Budaya asal usul adalah budaya turun-temurun dari nenek moyang kita yang tidak melupakan nilai-nilai tradisi dan nilai-nilai estetika yang wujud adalah diwarisi daripada genarasi ke genarasi. Jiwa seni yang diwarisi daripada nenek moyang kita dapat dipertahankan walaupun dilanda arus kemodenan.

Selain dari batik negara kita juga terkenal dengan kraf-kraf lain seperti anyaman, tembikar, ukiran kayu, tenunan, seni tekat dan lain-lain. Kraf-kraf yang menarik serta halus buatannya dapat ditonjolkan pada motif-motif yang diilhamkan pada produk. Dari motif-motif itu dapat memperlihatkan nilai-nilai disebalik motif-motif tersebut yang melambangkan kehidupan masyarakat Melayu dari segi sosial budaya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Batik merupakan kraf tradisional yang terkenal sejak abad ke-19. Kraf ini merupakan hubungan yang rapat dengan kegunaan harian orang Melayu. Begitu juga perkataan batik berasal dari bahasa Indonesia yang bermaksud pakaian yang mempunyai titik-titik kecil. Perkataan 'tik' bermaksud 'titik'. Ada juga yang menyatakan bahawa perkataan batik berasal dari Jawa iaitu 'ba' dan 'tik' yang bermaksud setitik lilin. (Siti Zainon Ismail,1986)

Batik telah berkembang dari segi penggunaannya dan penciptaannya. Batik Melayu Kelantan, telah menerima pengaruh langsung dari Jawa yang merupakan tempat batik yang sebenarnya. Batik purba berasal dari Jawa dan India. Warna yang digunakan ialah warna alam iaitu warna ungu atau biji kundang. Ianya menggambarkan rekaan primitif seperti gambar ayam jantan yang melambangkan kegagahan dalam pertarungan dan peperangan, contohnya ialah batik sarong atau batik lepas. Kain batik mempunyai bahagian utama iaitu kepala, badan dan kaki kain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sejak abad ke –18 lagi, masyarakat melayu sudah mempunyai kesedaran estetik terhadap proses pembuatan dan penghasilan motif-motif batik, Pantai Timur terutamanya Kelantan sudah terkenal sebagai kawasan penting dalam hasil batik dan telah terkenal di Kepulauan Melayu seperti di Indonesia, Singapora, Brunei Darussalam dan juga Malaysia malah digemari jua oleh pelancong-pelancong asing.

Negeri Kelantan merupakan negeri yang unik yang mana ianya mempunyai pola kehidupan sosio-ekonomi serta budaya, politik baik yang bercorak akademik ataupun bercorak popular. Kebanyakan rakyat Melayu Kelantan ramai yang melibatkan diri dalam perdagangan dan perusahaan contohnya perusahaan membatik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam penghasilan kraf batik dan kraf-kraf lain keindahan yang halus pada kraf tradisional ini jelas memaparkan kepakaran mereka. Hasil karya yang tinggi nilainya mencerminkan keunggulan seni budaya kita. Budaya tidak dapat dipisahkan dari seni. Seni itu merupakan sebahagian daripada budaya yang dihasilkan oleh masyarakat. Individu tidak dapat dipisahkan dari masyarakat dan budaya. Dalam penghasilan seni yang dilakukan oleh individu melibatkan kreativiti dan imaginasinya. Setiap penghasilan didorong dengan keinginan untuk mengisi kepuasan diri dan juga mengikut urutan amalan seharian. Penghasilan batik yang bermutu dan mempunyai nilai seni yang tinggi dengan motif- motif yang terselindung dengan falsafah dan simbolisme .

Kebudayaan merangkumi semua bidang baik pengetahuan, kesenian, kepercayaan, undang-undang moral, adat istiadat dan apa jua yang dikaitkan dari apa yang diwarisi dari masyarakat. Kebudayaan tergolong dalam satu lingkungan sosial budaya sesuatu masyarakat yang dipengaruhi, dianuti atau amalan sesuatu kaum dengan cara hidup masing-masing seperti Melayu, Cina dan India. Maka kebudayaan mempunyai hubungan yang rapat sekali dengan masyarakat kerana tidak akan ada kebudayaan sekiranya tiada masyarakat (Feldman, 1992).

Perkembangan hidup menjadikan masyarakat setempat menjadi kelompok-kelompok tertentu yang diikuti dan diamalkan. Dalam konteks seni tradisi, folk dan court craft (seterusnya disebut sebagai kraftangan tradisi) telah wujud seiring dengan kehidupan tradisi itu sendiri. Ia berkembang dan merupakan persambungan dari kepercayaan awal serta terus diamalkan pada zaman-zaman berikutnya. Nilai tradisi ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga merupakan ciri-ciri budaya hasil dari pengalaman dan kelangsungan hidup serta sejarah masyarakat.(Siti Zainon Ismail, 1986)

Menutup dan menghias tubuh manusia adalah merupakan satu gabungan teknik dan seni yang mendorong manusia mencabar diri dalam pelbagai usaha kreatif agar sentiasa menarik dan motif yang pelbagai, bergaya, selesa, dan sesuai dengan citarasa budaya dan bangsa. Oleh itu pengolahan tekstil baik dari segi teknik mahupun seni rekaannya merupakan satu bidang usaha yang amat bermakna dalam sejarah kehidupan dan sosial budaya setempat. Hasilnya ialah pelbagai jenis rekacorak motif tekstil yang menarik melambangkan kemahiran yang unik dan kreatif. Dari produk guna kain sarung ia berkembang lalu menjelma menjadi batik estetika yang bernilai dan di sanjung tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengkaji ingin mengkaji kesinambungan antara sosial budaya Melayu dengan nilai estetika yang ada motif batik tradisional Kelantan yang mana merupakan satu elamen yang dapat dikaitkan dengan kehidupan alam Melayu dan rupa Melayu itu sendiri. Alam Melayu dikaitkan juga dengan kraf lain yang banyak kegunaan dalam keperluan mereka seharian, hasil kraf-kraf yang tidak saja menarik tetapi penuh dengan kelembutan .

Kesenian batik yang dicipta oleh mereka mengambarkan kehidupan seni rupa Melayu yang diluahkan pada motif-motif itu dengan kehidupan seharian mereka. Apa yang dilalui dalam kehidupan tidak diungkapkan dengan kata-kata tetapi diluahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan lakaran motif-motif pada barangan buatan dengan penuh ketekunan dan kehalusan sebagaimana melambangkan sikap peribadi mereka.

Kehidupan masyarakat Melayu yang begitu dekat dengan alam flora dan persekitaran. Nilai-nilai pengajaran yang diamalkan satu ketika dulu diamati seperti nilai keberanian, hormat, bertanggungjawab, kasih sayang, kerajinan dalam masyarakat, penghargaan dan sebagainya. Disebalik lakaran motif yang menarik tergambarlah dengan nilai kemanusiaan dengan wajah kelembutan, sopan santun, hormat menghormati, bersatu padu, belaian kasih sayang dan lain-lain yang dapat memberi manafaat dari apa yang diluahkan pada motif batik .

Pada batik yang dihasilkan dibuat lakaran motif-motif flora, fauna dan kosmos. Masyarakat Melayu banyak menghasilkan motif-motif flora, kosma dan persekitaran mereka. Oleh kerana pegangan pada agama, mereka tidak mengamalkan atau membuat motif yang berunsurkan fauna. Malah menggunakan apa yang dekat dengan persekitaran mereka seperti penggunaaan motif pucuk rebung, bunga cempaka, bunga terantai dan sebagainya yang mereka cipta dan ukirkan pada produk dengan menghasilkan motif yang melambangkan sesuatu makna, simbol dan falsafah.

Motif ialah unsur utama dalam ragamhias. Ia juga merupakan sesuatu yang dijadikan dasar pada lukisan (ukiran dan lain-lain) Apabila beberapa bentuk motif disusun dalam ruang-ruang tertentu, maka terciptalah corak pada satu-satu permukaan kraftangan. Dengan erti kata lain, istilah motif dan corak digunakan kepada keseluruhan unsur ragamhias. (Siti Zainon Ismail, 1986)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai-nilai kepercayaan juga digambarkan dengan unsur-unsur motif seperti motif pucuk rebung yang memberi semangat kepada masyarakat melayu dalam menjalani kehidupan mereka dengan lebih bersatu padu atau aman damai.

Motif yang sering digunakan pada karya-karya seni rupa di Nusantara ialah "pucuk rebung" . Wargner (1959) berpendapat bahawa selain digunakan sebagai motif hiasan, ia juga menjadi simbol hikmat, mungkin sebelum zaman Dongson, sebagai simbol padi dan kesuburan. " Belum terdapat satu ketetapan sama ada motif hikmat purba atau hanya sebagai hiasan. Apa yang jelas ialah motif ini meyerupai pokok buluh yang masih muda. Berasaskan cara rebung tumbuh dengan tegasnya, motif ini dapat diterima sebagai simbol hikmat kesuburan. Ia juga meyerupai 'pohon hayat' dan 'bunga semangat' sebagai menifestasi alam semulajadi. (Syed Ahmad Jamal, 1992).

Dalam motif batik terlihat seni yang halus. Seni pada motif mempunyai nilai estetika dan keindahan. Objektifnya estetika ialah nilai yang melekat atau terdapat pada sesuatu benda itu dan pada dasar subjektifnya pula ialah nilai estetika tergantung pada perasaan seseorang yang mengamati benda itu Manakala keindahan pula adalah suatu nilai yang wujud dalam pengamatan dan dianggap sebagai kebaikan yang muktamad bagi pembentukan minat. Orang sering mengatakan seni adalah keindahan. Kesenian meliputi estetika dan keindahan yang realiti.

Seni membawa seseorang itu dari alam biasa ke alam estetika. Pengalaman itu menyerap dalam pengamatan estetika.Setiap manusia mempunyai emosi yang dialami apabila menghayati karya seni adalah emosi yang tersendiri penuh keyakinan.

Hanya dengan cara ini karya seni dihayati dengan sempurna, bersih daripada pencemaran nilai-nilai yang diluar aspek seni. Bell juga menyarankan, untuk menikmati sebuah karya seni, seseorang tidak sepatutnya dipengaruhi oleh pengalaman daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

alam harian. Keadaan ini selaras dengan proses penghaasilan seni rupa Melayu yang dipindahkan dari alam biasa ke alam seni. (Syed Ahmad Jamal, 1992).

1.3 Persoalan Kajian

Pencipta mencorakkan dengan corak tumbuhan semulajadi dan banyak digambarkan unsur-unsur sekeliling yang sangat berhampiran dengan kehidupan rumpun Melayu. Banyak pengajaran yang dapat diterjemahkan atau di falsafahkan, disimbolkan melalui motif-motif yang diilhamkan sebagai pedoman dan nasihat, seperti motif pucuk rebung, bunga padi, bunga melor, bunga melati, bunga cempaka dan sebagainya. Didalam unsur motif flora itu juga melambangkan nilai –nilai keperibadian masyarakat Melayu iaitu mempunyai nilai nilai kelembutan yang ada pada gadis-gadis Melayu, nilai perpaduan sesama sendiri, bersifat sopan santun, berbudi pekerti, nilai kasih sayang, nilai hormat menghormati dalam masyarakat dan sebagainya dapat di lihat pada motif batik tradisional Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keindahan dapat dilihat disebalik motif tradisional melalui hasil ciptaan dan produk yang dihasilkan banyak menggunakan unsur alam semulajadi yang berkaitan dengan kehidupan rumpun masyarakat Melayu dengan kehidupan mereka seharian dikaitkan dan diilhamkan dalam motif dan dipaparkan sebagai hiasan. Motif ini juga tidak sebagai hiasan yang menarik dan mempunyai makna disebalik simbol yang digunakan seperti mana mereka ingin menghasilkan motif fauna maka mereka tidak terus melukis sifat asal malah mempermudahkan dengan simbol dan unsur geometri sebagai motif kerana unsur fauna dilarang diilhamkan dalam pegangan dalam agama Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Estetik bererti sesuatu yang berkaitan dengan deria pengamatan terhadap sesuatu perkara atau suasana yang menekankan aspek kesenian atau keindahan, bukan menekan aspek kegunaan. Perkataan estetik atau estetika (aesthetics) mula digunakan oleh Baumgarten pada tahun 1735. Menurutnya keindahan mestilah diasingkan daripada estetika kerana barang yang buruk boleh diterima dengan cara yang indah dan sebaliknya, Bell pula menyatakan bahawa emosi yang tersendiri sebagai reaksi seseorang terhadap karya seni ialah emosi estetika. (Syed Ahmad Jamal, 1992).

Estetika bererti sesuatu yang berkaitan dengan deria pengamatan terhadap sesuatu perkara atau suasana yang menekankan aspek kesenian atau keindahan, bukan menekankan aspek kegunaan.

Keindahan adalah suatu nilai yang wujud dalam pengamatan dan dianggap sebagai kebaikan yang muktamad bagi pembentukan minat. Orang sering menyatakan seni adalah keindahan. Menurut Ibrahin Titus Burckhardt, inti pati kesenian adalah keindahan, dan keindahan dari sifat aslinya sendiri adalah realiti dalaman dan realiti luaran sesuatu. (Ibrahin Titus Burckhardt dalam Izani Mat Il).

Keindahan, mengikut al-Ghazali, nikmat yang tersendiri, yang dihayati kerananya dan bukan-bukan yang lain. Keindahan tiap-tiap satu benda itu terletak pada kesempurnaan, yang disedari melalui sifatnya. Menurutnya keindahan luaran yang dilihat dengan mata kasar, dapat dialami oleh kanak-kanak dan haiwan.....tetapi keindahan dalaman hanya dapat diamati oleh mata hati dan cahaya penglihatan batin manusia yang dewasa dan matang. (Syed Ahmad Jamal,1992)

Menurut Ibnu khaldun seni itu sesuatu kebenaran keindahan dan kebaikan. Di dalam terkandung ciri-ciri estetika, etika dan logika. Estetika mengandungi unsur-unsur kecantikan, baik susunannya, menarik komposisinya serta indah apabila sesuatu hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerja itu dihasilkan. Etika perlu dirujuk kepada elaman-elaman akhlak atau moral yang membina manusia manakala logika pula merujuk satu kebenaran yang hakiki, menurut beliau lagi, pengetahuan dalam sejarah boleh membentuk kerangka kefahaman dalam seni. Pengetahuan dalam sejarah ini tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia pada zaman batu sejuk kewujudan lukisan di Gua Altamira. (Md Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan, 2003)

Estetika boleh dibahagi pada dua iaitu Estetika Formal dan Estetika Non Formal. Estetika Non Formal iaitu falsafah, emosi, simbol dan makna. Manakala Estetika Formal pula ialah titik, garisan, warna, jalinan, cantingan dan sebagainya.

Disebalik motif yang direka diwarnai juga dengan warna-warna alam semulajadi pada ketika itu seperti kunyit, mengkudu dan sebagainya sebagai warna dan menggunakan garisan, titik, cantingan, contengan dan lain-lain dan setiap titik dan garisan semua ini memberi makna. Motif yang dihasilkan ini dapat dipaparkan melalui simbolisme, makna, falsafah, emosi dalan kehidupan manusia sebagai pengajaran dan pedoman hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Motif batik bukan hanya sebagai hiasan tetapi disebalik motif batik juga terdapat simbol dan makna. Pada dahulunya motif-motif batik dikaitkan dengan pengaruh yang terdapat di sekeliling mereka pada masa itu seperti pengaruh Hindu Buddha, Dang son dan Islam. Pengalaman dan penyesuaian cara hidup dengan alam sekeliling menjadi budaya mereka. Dalam masyarakat Melayu sendiri terdapat individu-individu yang berusaha mencuba mencipta dan memainkan peranan penting dalan penciptaan unsur-unsur motif yang tidak lari dari perkembangan budaya mereka. Motif-motif yang dihasilkan dari ciptaan mereka melibatkan usaha kreatif dan daya imiginasinya yang menarik, dengan luahan-luahan emosi mereka, disebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebudayaan rumpun Melayu banyak menggunakan dan mengambarkan unsur flora atau alam semulajadi berkaitan dengan kehidupan masyarakat mereka yang sangat dekat dengan tumbuhan semulajadi dan alam sekeliling dengan kehidupan mereka. Motif-motif batik ingin juga mencerminkan keperibadian masyarakat Melayu dan kebudayaan Melayu. Motif tradisional ini juga dapat mengambarkan lanskap masyarakat Melayu yang bersefahaman dan bersatu padu.

1.4 Rumusan Persoalan

Dari persoalan diatas dapat dirumuskan tiga persoalan yang menarik untuk dikaji antaranya adalah

1.4.1 Apakah yang dikatakan motif batik tradisional Melayu Kelantan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4.2 Apakah nilai estetika yang ada disebalik motif batik tradisional.

1.4.3 Sejauhmanakah hubungan motif-motif tersebut pertaliannya dengan nilai dengan kehidupan masyarakat.

1.5 Batasan Kajian

Batasan adalah skop kajian yang akan dikaji oleh pengkaji . Dari lanjutan ini penkaji membuat skop kajian bersesuaian dengan rumusan persoalan. Batasan kajian diunjarkan dan diperincikan sebagai berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5.1 Fokus Kajian

Fokus kajian adalah untuk melihat nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan yang mencakupi motif-motif flora, fauna dan geometri. Aspek formal dan non-formal yang berkaitan dengan nilai estetika. Aspek formal mencakupi aspek visual batik itu sendiri seperti mana aspek formal dan aspek non formal. Aspek formal mecakupi titik, warna, motif, garisan dan cantingan. Manakala aspek non formal pula ialah emosi, simbol, makna dan falsafah.

1.5.2 Batasan Tempat

Tempat kajian ini dibuat adalah di negeri Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Tujuan penyelidikan

Tujuan penyelidikan adalah untuk

1.6.1 Melihat apakah yang dikatakan motif batik tradisional Melayu Kelantan.

1.6.2 Mengetahui nilai-nilai estetika yang terdapat pada motif batik tradisional Kelantan.

1.6.3 Mengetahui nilai estetika pada motif batik tradisional berkait dengan kehidupan masyarakat Melayu Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Faedah Kajian

Setelah selesai hasil kajian ini diharapkan dapat memberi faedah kajian yang berkaitan dengan Nilai Estetika Pada Motif Batik Tradisional Kelantan memberi manfaat seperti berikut:

1,7.1 Sebagai sumber dan bahan rujukan tentang Nilai Estetika Pada Motif Batik Tradisional Kelantan.

1.7.2 Memberi manfaat kepada masyarakat supaya motif batik tradisional dapat dikekalkan dengan nilai-nilai estetika.

1.7.3 Dapat mengetahui falsafah dan simbolisme yang tersirat disebalik nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Tinjauan Pustaka

Tinjauan pustaka telah dibuat oleh pengkaji bagi melihat dan mengkaji penulisan-penulisan ilmiah daripada tokoh dan sarjana yang membicarakan tentang perihal kebudayaan dan nilai-nilai berkaitan estetika. Pengkaji turut menjalankan kajian pustaka terhadap fungsi estetik pada produk kraf daripada jurnal dan penulisan-penulisan ilmiah yang relevan.

Buku-buku yang menjadi pegangan iaitu buku Teori Budaya (1999) oleh David Kaplan dan Albert A Manners diterjemahkan oleh Landang Simatupang. Penulis menceritakan atau mengupas konsep dan teori tentang budaya yang terdapat dalam bidang antropologi. Bagi beliau berdua, teori ialah pengetahuan yang mempunyai susunan yang teratur seperti organisasi yang meletakkan dalam bidang-bidang tertentu. Dalam buku-buku beliau mengupas tentang antropologi secara umum dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperjelaskan teori budaya dengan empat pendekatan iaitu evolusionisme, fungsionlisme, sejarah dan keperibadian. Buku ini juga menceritakan struktur realisme dan etnografi yang diakhiri dengan analisis pembandingan teori budaya yang di perjelaskan.

Culture (1981) karya Raymood Williams pula mengupas aspek budaya yang berkisar kepada tiga aspek individu sebagai pengkarya dan seniman, masyarakat serta institusi. Beliau melihat kebudayaan sebagai perkembangan minda secara aktif berhubung dengan tiga perkara, orang yang pemikirannya berkembang akan dikatakan sebagai orang berbudaya, aspek kedua ialah proses perkembangan minda dan akal bagi orang yang berbudaya tersebut menyebabkan berlakunya kecenderungan dan aktiviti dalam konteks budaya yang membawa kepada perkara ketiga iaitu sebarang proses atau aktiviti yang melibatkan kesenian dan hasil kerja kebijaksanaan manusia. Menurut Raymond William juga kebudayaan dari aspek antropologi dan sosialogi merangkumi seluruh gaya kehidupan manusia serta tidak terhad kepada aktiviti intelektual dan artistik manusia semata-mata malah meliputi keseluruhan sistem yang signifikan berkaitan dengan kehidupan manusia.

Kebudayaan dan Lingkungan dalam Perspektif Antropologi (2000) ditulis oleh Hari Poerwanto yang telah berusaha mengupas pertalian antara kebudayaan dan persekitaraan masyarakatnya. Menurut beliau, kebudayaan merujuk kepada strategi penyelesaian yang dilakukan oleh sesebuah kelompok masyarakat terhadap persekitarannya. Terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca berlakunya kepelbagaian budaya seperti perbezaan yang wujud antara persekitaran tempat tinggal mereka. Selain itu, faktor ekologi yang berkaitan dengan kemajuan dan pembangunan turut membawa perubahan kepada sosialbudaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Primitive Art (1995) oleh Franz Boas terbitan New York Dover Publication Inc. 1995 menjelaskan bahawa seni tampak terhasil daripada 2 sumber iaitu pencarian/penghasilan teknikal dan ekspresi emosi dan pemikiran dalam bentuk kekal. Buku ini juga menceritakan bahawa keseronakkan artistik ialah reaksi minda kepada bentuk yang terhasil. Kesan estetik karya artistik yang terhasil dari kawalan teknik adalah berdasarkan kepada kesempurnaan bentuk. Prinsip-prinsip formal didalam seni selalu mengulangi dirinya sendiri berulang-ulang didalam seni grafik dan seni plastik. Prinsip- prinsip element ini ialah simetri, irama dan penekanan terhadap bentuk.

Dalam buku Semiotics Art (1981) oleh pengarangnya Williams terbitan New York University press, Washinton Square New York menyatakan bahawa cultural rroducer dan cultural product menurut Bourdieu 1971 halaman 185 di mana mengikut sosialogi penciptaan intelektual dan artistik, sesuatu projek kreatif itu mestilah menjadi tempat pertemuan dan perubahan di antara ketetapan dan kesungguhan. Artis ini bukan pencipta tetapi penghasil kerana dia tidak mencipta apa-apa sebab beliau menghasilkan karya daripada benda-benda yang ada di sekelilingnya berpandukan "subjek matter" . Subjek matter itu terhasil daripada persekitaran alam semulajadi dan menurut penulis bahawa melebalkan artis ini sebagai pencipta adalah mengelirukan kerana artis ini mengenepikan ramai orang yang terlibat dalam penghasilan idea. Artis ini juga menidakkan peranan sosial persekitaran yang lain. Dulu subjek dipinggirkan tetapi apabila diteliti ia juga melalui proses dan ideologil dan sosial (berubah-ubah) dari segi budaya. Itulah sebabnya mengapa seseorang artis itu digelar 'producer' dan bukunya 'creator' Argument tentang kenapa artis ini tidak boleh dipanggil pencipta tetapi ia penghasilan ada dua sebelah iaitu kalau sesuatu benda dicipta ia dengan tiada proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembuatan kerana ia adalah benda memang wujud. Benda-benda wujud ini disusun sahaja bukunya dicipta.

1.9 Landasan Teori

Landasan teori ialah teori-teori yang digunakan sebagai pegangan bagi mencari jawapan kepada persoalan kajian. Landasan teori ini juga digunakan oleh pengkaji untuk memperkuatkan dan memperkukuhkan lagi dan mengaplikasi kaedah dan pendekatan tokoh-tokoh ilmiah atau penulisan mereka. Pemasalahan akan cuba diungkapkan oleh pengkaji secara sistematik menggunakan beberapa teori penting yang diaplikasi berasaskan pendekatan dan kaedah interdisiplin untuk menjawab permasalahan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pendekatan interdisiplin kerana bersifat yang begitu kompleks dan luas kerana ia merangkumi pelbagai pendekatan interdisiplin untuk melihat dan meneliti seni dan karya seni dari pelbagai arah dan perspeksi untuk mentaksir seterusnya cuba memahami. Pendekatan interdisiplin membolehkan kita sebagai pengkaji menggunakan pelbagai teori, pendekatan, kaedah dan teknik yang difikirkan sesuai untuk membuat sesuatu yang berkaitan atau rumusan secara diskripsi untuk mengungkapkan persoalan serta permasalahan kajian.

1.9.1 Teori Perkembangan Budaya

Kebudayaan wujud, berkembang dan dikekalkan di dalam tradisi-tradisi sosial sebuah masyarakat. Kebudayaan adalah milik masyarakat yang digunakan secara bersama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai panduan atau kerangka acuan untuk bertingkah laku sempena memenuhi keperluan hidup para ahli masyarakat yang berkenaan. Tingkah laku sosial suatu ahli masyarakat tidaklah bebas daripada kebudayaan yang pada asasnya merupakan kompleks pengetahuan, nilai-nilai , gagasan-gagasan vital, serta keyakinan-keyakinan atau kepercayaan-kepercayaan yang menguasai mereka (Budhisantoso 1981/1982; Bachtiar, 1980). Maknanya, kebudayaan akan tampak peranannya sebagai mekanisma kawalan bagi tingkah laku manusia (Geertz, 1973), atau sebagai pola-pola bagi tingkah laku (Keesing dan Keesing, 1971), atau strategi kognitif bagi melakukan adaptasi terhadap persekitarannya (Spradly, 1972; Rapoport, 1969), dalam (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2006)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sumber : Izani 2004 – (Olahan) Nota Kuliah Kajian Kraf Rupa dan Identiti yang tidak diterbitkan.

GAMBAR RAJAH TEORI PERKEMBANGAN BUDAYA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.2 Teori Nilai

Seorang ahli falsafah moden Jerman Max Scheler menjelaskan bahawa nilai sebagai suatu kualiti yang bebas (*independence*) yang tidak mempunyai perbezaan dengan benda. Beliau memberi contoh sebagaimana warna biru yang tidak akan berubah menjadi warna merah manakala objek yang berwarna biru dicat merah, begitu juga keadaannya dengan nilai yang tetap tidak terpengaruh oleh perubahan yang terjadi dalam objek yang digabunginya. Selain itu, nilai itu mutlak, nilai tidak dikondisikan oleh perbuatan, tanpa melihat kepada hakikatnya, nilai itu itu bersifat historis, sosial, biologis atau murni individual, hanya pengetahuan kita tentang nilai yang bersifat relatif, bukan nilai itu sendiri (Scheler dalam Frondizi, 2001).

Seorang lagi ahli falsafah moden kelahiran Amerika Syarikat, R.B. Perry (1876-1957) menyatakan bahawa objek seharusnya mempunyai nilai, atau bahawa perhatian tertentu sebagai satu-satunya keadaan yang dapat menyimpan nilai pada sesuatu objek. Perry menjelaskan hal ini dengan mengungkapkan bahawa "objek perhatian yang manakah yang *'eo ipso'* tersimpan di dalam nilai. Apa pun yang wujud pada sesautu objek itu, manakala suatu perhatian yang apa pun wujudnya akan terkandung di dalamnya (Perry dalam Frondizi, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.3 Teori Estetika

Teori estetika dapat dirumuskan kepada cabang falsafah yang berkait rapat dengan teori keindahan (*theory of beauty*). Sekiranya keindahan dimaksudkan sebagai petunjuk kepada manusia untuk mengenali, maka teori keindahan akan menjelaskan bagaimana memahaminya (Dharsono Sony Kartika dan Nanang Ganda Prawira, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori ini menyatakan bahawa keindahan atau ciri-ciri yang menghasilkan sesuatu keindahan itu adalah suatu kualiti yang telah sedia ada pada sesebuah objek yang indah yang terlepas pandang daripada pengamatnya. Pengamatan seseorang terhadap estetika hanya bersandarkan kepada sifat-sifat keindahan yang jelas dilihat secara fizikal pada sesuatu benda dan sama sekali tidak terpengaruh untuk mengubahnya. Menjadi persoalan terhadap teori ini ialah ciri-ciri khusus manakah yang dapat menjadikan sesuatu benda itu indah atau dianggap mempunyai nilai estetik.

Istilah atau terminologi estetika ini wujud apabila pemikiran ahli falsafah dan para sarjana mulai terdedah untuk mengkaji pelbagai keterpesonaan rasa. Estetika yang bersama-samanya etika dan logika kemudiannya membentuk satu kesatuan yang kukuh dalam ilmu-ilmu normatif dibidang falsafah (Dharsono Sony Kartika dan Nanang Ganda Prawira, 2004). Pandangan dan pendapat ini dikukuhkan oleh ahli falsafah Jerman, Hegel yang menyatakan bahawa falsafah seni membentuk bahagian yang terpenting di dalam ilmu ini begitu rapat hubungannya dengan cara manusia dalam memberikan definisi seni dan estetika (keindahan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.4 Teori Fungsi

Teori fungsionalisme mendapat nama terutamanya kerana ia melihat struktur dan fungsi dalam masyarakat. Ia memberi huraian mengenai organisasi sosial dan menerangkan bagaimana sesuatu organisasi dikekalkan. Teori ini pada idealnya adalah menganologi masyarakat dengan organisma sebagaimana yang dilakukan dalam pengkajian sains tulen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat telah diibaratkan sama seperti organisma yang mempunyai bahagian-bahagian dan setiap bahagian masyarakat dikenali sebagai struktur. Seterusnya kajian dilakukan untuk melihat bagaimana struktur masyarakat berfungsi. Menurut teori ini, struktur-struktur sosial akan menentukan kelancaran perjalanan atau keharmonian masyarakat. Brinkerhoff dan white (1989) telah merumuskan tiga andaian utama ahli-ahli fungsionalisme iaitu stabiliti, harmani dan evolusi. Stabiliti merupakan kreteria penilaian utama untuk menentukan sejauhmana sesebuah masyarakat dapat dikekalkan. Harmoni menunjukkan bagaimana semua bahagian atau struktur-struktur dalam masyarakat berkerjasama untuk mencapai tujuannya. Evolusi bila menggambarkan perubahan-perubahan yang berlaku kepada masyarakat melalui proses adaptasi struktur sosial kepada segala apa yang ada pada struktur yang tidak lagi diperlukan oleh masyarakat. Oleh itu jelas bahawa teori ini menekankan kepentingan persefahaman anggota-anggota masyarakat atau konsensus untuk mencapai kehormanian dan kestabilan masyarakat berkenaan. Maka kadang-kadang teori ini juga dipanggil sebagai teori konsensus. (Amir Hasan Dawi, 1999)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.5 Teori Interaksionisme simbolik

Makna-makna simbolik diperolehi daripada bentuk-bentuk simbol tertentu seperti perkataan, perlakuan, objek dan bahasa. Perkataan yang digunakan sebagai simbol adalah mewakali objek-objek fizikal, perasaan, nilai dan idea. Perlakuan pula meliputi perbuatan termasuklah yang berdasarkan pemikiran dan niat seseorang. Objek adalah perkara nyata yang dapat dilihat. Objek adalah perkara nyata yang dapat dilihat. Bahasa pula adalah simbol lisan untuk berhubung. Menurut Herbert Mead kita menyedari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa diri kita adalah seorang individu. Penggunaan simbol-simbol merupakan perkara penting dalam proses mengenali diri ini. Simbol merupakan sesuatu yang wujud sebagai wakil kepada sesuatu perkara lain sama ada yang diwakili itu wujud dalam bentuk nyata atau abstrak. Sebagai contoh perkataan `pokok` merupakan simbol yang mewakili objek pokok. Kita boleh fikir dan gambarkan mengenai pokok walaupun ketika itu pokok tidak wujud di depan mata kita hanya sekiranya kita sudah menguasai konsep simbol. Oleh itu pemikiran simbolik membebaskan kita daripada hanya terhad kepada perkara-perkara yang kita boleh lihat, dengar, hidu dan rasa juga. (Amir Hasan Dawi, 1990)

1.10 Metodologi Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metodologi kajian adalah gabungan ilmu-ilmu kajian. Metodologi kajian dapat memberi hala tuju dalam penyelidikan atau membuat kajian, mengumpul maklumat serta menyusun atau mentaksir maklumat yang dikumpulkan dengan tajuk yang hendak dikaji.

1.11 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian ini adalah dalam bentuk interdisiplin. Antara pendekatan yang digunakan adalah pendekatan simbolik, pendekatan filosofi, pendekatan estetika dan pendekatan sosial culture.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Jenia Data

Jenis data yang digunakan dalam kajian terbahagi kepada beberapa jenis iaitu data lisan, data bercetak, data artifak dan data audio visual. Contoh lisan terdiri daripada naratif, iaitu secara verval contohnya melalui bercerita ataupun keterangan. Data bercetak pula adalah seperti suratkhabar, majalah, jurnal, manuskrip dan buku. Data artifak pula adalah seperti peralatan, produk batik kursusnya motif. Manakala data audio visual adalah seperti rakaman audio visual..

1.13 Sumber Data

Sumber data terbahagi kepada tiga jenis iaitu sumber primer, sumber sekunder dan Sumber tertier. Sumber primer diperolehi dari pembatik, dari pemilik dan pengusaha. Sumber sekunder pula adalah hasil tulisan atau sumber yang ditulis oleh pemilik batik atau penulis lain. . Sumber tertier pula merupakan sumber ketiga iaitu tulisan-tulisan dalam buku dan majalah yang ditulis oleh penulis.

1.14 Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Menurut Merriam (1998) dalam penyelidikan kualitatif, pengkaji adalah instrumen utama bagi mengumpul dan menganalisis data, yang demikian dapat memberi respon terhadap situasi melalui peluang yang maksimum untuk pengumpulan dan memproduksi maklumat yang berguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian lapangan yang dijalankan turut menggunakan instrumen-instrumen yang menjadi kebiasaan pengkaji kualitatif dalam mengumpul dan menganalisis data. Data-data akan dikumpulkan pada matriks pengumpulan data yang terdiri daripada kaedah temubual, pemerhatian, rakaman gambar foto (visual) dan kaedah kajian pustaka.

1.14.1 Kaedah Temubual

Kaedah temubual membolehkan maklumat dijelajahi dengan lebih mendalam dan terperinci berbanding dengan kaedah soal selidik. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan telah menyediakan struktur dan set soalan–soalan yang akan dikemukakan kepada responden sebagai panduan semasa sesi temubual dijalankan.teknik temubual secara bebes dimana pengkaji perlu mengemukan soalan-soalan umum dan terbuka mendapatan maklumat. Temubual ini dijalankan secara langsung ke atas individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

1.14.2 Kaedah Pemerhatian (Observasi)

Kaedah permerhatian ada dua iaitu permerhatian bebas dan permerhatian mendalam. Permerhatian bebas seperti pergi tengok dalam skop contohnya motif, produk, seniman pandangan pada batik yang mencakupi tingkah laku, perwatakan, ekspreksi dan emosi.

Kaedah pemerhatian turut serta digunakan oleh penyelidik, yang mana penyelidik akan turut bersama-sama responden memerhati penghasilan motif –motif batik tradisional Kelantan di lapangan. Mohd Majid Konting (2004), menjelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerhatian turut serta mengkehendaki penyelidik hadir sama di dalam perkembangan tingkah laku responden, penyelidik tinggal bersama dengan kelompok masyarakat yang dikaji dan memerhatikan tingkah laku mereka. Pengkaji bergaul dengan responden secara langsung dan mengikuti tingkah laku responden secara aktif. Walaupun pengkaji mengikuti tingkah laku responden, pengkaji tidak mempengaruhi responden ke arah tingkah laku tertentu. Pemerhatian turut serta membolehkan pengkaji menghayati tingkah laku responden. Dengan penghayatan tersebut, pengkaji mempunyai persepsi yang benar mengenai maklumat yang dikumpul.

1.14.3 Kaedah Kajian Pustaka

Kaedah kajian pustaka (pengumpulan dokumen/dokumentasi) dijalankan bertujuan memperolehi data yang lebih banyak serta membolehkan penyelidik memastikan kesahihan data berbanding dengan data temubual dan data pemerhatian. Sumber dokumen diperolehi daripada buku-buku di perpustakaan, jurnal dan risalah–risalah yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Penggunaan material dokumentasi sebagai data tidak banyak bezanya dengan penggunaan kaedah temubual dan observasi (Merriam, 1998).

1.15 Kaedah Analisis Data

Setelah data siap dikumpul pentaksiran data dilakukan, pertaksiran data tersebut dibuat untuk mengelompokkan data. Contohnya data sejarah dikelompokkan dalam bidang sejarah, data estetika dikumpulkan dalam data estetika dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.16 Kaedah Verifikasi Data

Data yang telah dikelompokkan tadi diverifikasikan keesahannya seperti kebolehpercayaan (kebolehbolity), pengantungan (dependibility) dan pengesahan (comfirmobility). Data yang akan dikumpulkan akan dipastikan.

Setelah pengumpulan data dilakukan kesemua data yang diperolehi perlu ditentukan keesahannya. Kebolehpercayaan adalah merupakan prasyarat kepada keesahan, namun tidak semestinya menjamin keesahan. Keesahan dalam kajian ini secara ringkasnya boleh berkaitan dengan sama ada dapatan benar dan pasti. Benar dalam ertikata dapatan kajian menggambarkan dengan tepat situasi sebenar. Pasti dalam ertikata dapatan kajian disokong oleh bukti dan tidak ada asas untuk meraguinya. Keesahan dalam konteks ini bukan merujuk kepada data tetapi lebih merujuk kepada inferens yang dibuat daripada data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data-data yang sesuai dikelompokkan dalam kumpulan data yang boleh digunakan manakala data yang tidak sesuai dikelompokan dalam kumpulan data yang tidak sesuai.

1.17 Kaedah Tringulasi Data

Tringulasi adalah untuk mengesahkan data tersebut diuji dengan teori-teori atau data – data lain. Dan data-data tersebut betul-betul benar. Tringulasi merupakan prosedur kesah di mana pengkaji menggunakan pelbagai sumber maklumat yang berbeza-beza untuk membuat perbandingan dari data yang diperolehi oleh pengkaji perlulah melibatkan penggunaan pelbagai sumber data atau maklumat yang berbeza-beza

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui pelbagai metod iaitu penmerhatian, perbincangan, temubual dan analisis dokumen untuk mengesan kebenaran data.

1.18 Kaedah Pemindahan Data

Kriteria kedua dalam kaedah verifikasi data iaitu pemindahan data. Bagi melaksanakan pemindahan data pengkaji perlu mencari dan mengumpul data untuk memastikan keesahannya melalui pemindahan data, pengkaji perlu membuat huraian terperinci. (thick desription) terhadap setiap data yang diperolehinya oleh itu pengkaji mendapatkan pelbagai jenis data untuk membuat huraian dan pentafsiran tehadap data-data yang diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.19 Pengantungan Data

Pengantungan data pula merupakan kriteria dalam verifikasi data yang perlu diambil kira oleh pengkaji bagi membuat penaklukan secara mendalam sehingga dapat membuat kesimpulan yang akhirnya boleh diperolehinya. Pengkaji telah membuat pentaksiran dengan melakukan audit pengantungan di mana ia merupakan pemeriksaan data-data yang diperolehi dan boleh dipercayai. Kriteria seterusnya dalam verifikasi data ialah pengesahan ke atas sesuatu data yang dikumpulkan. Audit pengesahan digunakan bagi mendapatkan pengesahan melalui rujukan penyelidikan lain, buku-buku, penulisan terdahulu dan sebagainya. Bsgi mendapatkan penegasan data yang diperolehi, pengkaji perlu pengesahan daripada penulisan berkaitan dengan tajuk supaya data yang diperolehi boleh diguna pakai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.20 Kaedah Interprestasi Data

Interprestasi data dilakukan setelah semua data diperolehi hasil daripada kaedah temubual, pemerhatian, persempelan dan soal selidik dijalankan. Setiap maklumat haruslah dicatatkan dan dikumpulkan. Data-data ini pula dianalisis dengan teliti dan terperinci supaya data yang diperolehi menjurus kepada persoalan kajian iaitu amalan tilik nasib dikalangan masyarakat cina di sini. Seterusnya setelah semua data dipastikan berkaitan ianya akan dibandingkan dengan data-data yang didapati daripada sumber lain seperti buku-buku dan sebagainya. Proses ini amat penting seperti penyelidik tidak terlupa atau tercicir maklumat-maklumat yang diperolehinya. Penganalisis data-data kajian dapat membantu dengan penggunaan carta, jadual, graf, rajah transkrip dan sebagainya.

Proses ini juga menjadi penting supaya penyelidik tidak memasukkan fakta-fakta yang tidak benar kedalam kajian nanti. Setiap maklumat yang dikaji secara terperinci perlulah dipastikan benar supaya tidak akan timbul masalah fakta palsu yang mungkin diberikan oleh mereka yang kurang arif atau prejudis terhadap amalan ini.

Interprestasi membolehkan data-data yang lama dan data-data baru diterima dan digabungkan untuk membentuk satu data yang lengkap. Jelas dan bermakna untuk pembaca. Proses ini menjadi penting kerana data yang diperolehi mungkin ada digunakan oleh pengkaji- pengkaji lain pada masa akan datang. Interprestasi merupakan satu proses yang boleh merumuskan secara keseluruhan persoalan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.21 Penarikan Kesimpulan

Kesimpulannya banyak perkara-perkara baru yang diketahui semasa proses kajian dijalankan. Setiap maklumat yang diperolehi perlu diambil kira untuk memastikan kajian dijalankan sebaik mungkin. Setiap maklumat yang didapati haruslah dikaji dan diteliti dengan secara terperinci untuk memastikan kesahihannya. Setelah maklumat dikumpulkan ianya haruslah disampaikan dengan tepat dan bermakna supaya kajian ini akan memberi manfaat kepada semua orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 11

LATAR BELAKANG SEJARAH DAN SOSIAL BUDAYA MASYARAKAT MELAYU NEGERI KELANTAN

2.1 Latar Belakang Sejarah Negeri Kelantan.

Kelantan telah wujud sejak pra sejarah yang mana telah wujud kawasan dan daerah-daerah sekarang. Sejarah awal Kelantan mengikut catatan-catatan terawal mengenai Kelantan adalah dari pedagang-pedagang dan pengembara-pengembara Cina ke daerah tersebut yang mana membuktikan kewujudan kerajaan Kelantan beberapa kurun sebelum kedatangan Islam.

Negeri Kelantan terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia, negeri ini bersempadan dengan Negara Thai di sebelah utara; Perak di barat; Pahang di selatan dan Terengganu di tenggara. Di Timur Kelantan ialah Laut China Selatan keluasan negeri Kelantan ialah 14,931 kilo persegi. (Wan Abdul Kadir, 1993)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Negeri Kelantan adalah negeri mempunyai banyak kawasan lembah sungai yang menjadi tumpuan manusia. Sebilangan besar penduduk Kelantan tertumpu di kiri kanan Sungai Kelantan dan di anak-anak sungai begitu juga raja dan pembesar membina tempat tinggal atau kubu istana di kuala-kuala atau pun sepanjang sungai-sungai. Bentuk muka buminya yang sesuai untuk bercucuk tanam seperti menanam padi (di sawah) dan padi huma di kawasan bukit, semua anggota keluarga terbabit serta bekerja sebagai tukang kayu dan tukang besi dan penduduk di pesisiran pantai bekerja sebagai nelayan. Di awal perkembangan perusahaan batik di Kota Bharu terdapat di sekitar satu hingga empat belas kilometer persegi terutama sekali di tebing Sungai Kelantan. (Siti Zainon Ismail, 1986)

Disebabkan Kelantan mempunyai saluran sungai maka di situ menjadi tumpuan utama penduduk dalam menjayakan kegiatan pertanian dan perdagangan. Di samping itu dalam proses membuat batik dijalankan ditebing-tebing sungai Kelantan. Air amat berguna untuk membersihkan celupan dari bahan lilin dan untuk membersihkan kain yang telah dicelup. Ini memyebabkan proses membatik terus dijalankan dinegeri ini.

2.2 Latar Belakang Sejarah Batik Negeri Kelantan

Seni batik dikatakan telah wujud sejak 2000 tahun dahulu di negeri Mesir dan Parsi. Di Negara Jepun dan Cina, batik telah digunakan sejak abad ke 7 lagi. Batik mula diperkenalkan di Tanah Melayu pada zaman pemerintahan Parameswara pada abad ke 15 Masihi di Melaka. Pada tahun 1770-an di Kepulauan Melayu . Di Tanah Melayu, perkembangan seni batik hanya bermula pada abad ke 18. Di Kelantan 1911 perusahaan batik dipelopori oleh Hj. Che Su bin Hj. Ishak di daerahnya iaitu di Lorong Gajah Mati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kota Bharu Kelantan dengan menggunakan teknik ikat dan celup dan dikenali sebagai batik Pelangi dan pada tahun 1922 Hj. Che Su mengeluarkan batik blok.

Istilah batik mempunyai dua pengertian.perkataan atau istilah batik berasal dari Indonesia. Pertama dalam bahasa Indonesia perkataan " batik " yang bererti rintik-rintik putih pada kain yang berwarna dan bercorak. Kedua " batik " bererti hasil terapan acuan dari kayu, tembaga atau besi dengan penggunaan lilin, dammar dan rosin. Kemudian melalui proses mencelup di dalam warna atau dengan menggunakan berus.

Seni batik dikatakan telah wujud sejak 2000 tahun dahulu. Menurut Siti Zainon Ismail , terdapat catatan dalam tulisan Cina 2500 S.M bahawa pengguna bahan celup untuk mewarna dan membuat ragamhias pada permukaan kain putih. Setelah adanya hubungan perniagaan dan perdagangan orang Melayu Semenanjung dengan orang Indonesia wujud berabad-abad lamanya dahulu sejak zaman kedua-dua. Negara ini dijajah oleh dua penjajah yang berlainan. Hubungan ini erat berkaitan dengan kemunculan dan terciptanya pengeluaran kain batik di Kelantan. Dalam abad ke-19 penulis-penulis Barat yang sezaman seperti Hugh Clifford yang pernah melawat negeri-negeri Pantai Timur seperti Pahang, Kelantan dan Terengganu menyebut tentang adanya hubungan perniagaan di mana dagangan dari Indonesia diimport ke kerajaan Melayu Melaka lagi. Hubungan dagangan ini tidak pernah berakhir walaupun negeri-negeri tersebut.

Penciptaan kain batik di Kelantan bermula pada tahun 1911 oleh Che Su Bin Ishak, kain yang dicipta belum lagi dinamakan kain batik tetapi dinamakan kain pelangi kain-kain kosong diwarnakan dan juga putih dicorakkan di antaranya.kain-kain yang digunakan adalah sejenis kain sutera tiruan yang dinamakan kain pereis. Kain ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diimport dari negeri Siam, kain pelangi ini digunakan oleh kaum wanita sebagai selendang.

Seterusnya hasil penciptaan Haji Che Su sebagai satu perusahaan di mana beliau dengan beberapa orang kawannya yang terdiri daripada Haji Awang, Haji Abbas, Encik Kundur serta Haji Ahmad telah menghasilkan kain-kain pelangi untuk pasaran. Perusahaan mereka bertempat di kawasan Lorong Gajah Mati, satu kawasan di tepi sungai Kelantan yang merupakan tempat tinggal mereka. Manakala kain-kain pelangi keluaran Haji Che Su dan kawan-kawan mendapat pasaran luas di Kelantan dan di eksport ke negeri Siam dan hubungan Siam – Kelantan pada masa itu sangat erat.

Sebelum batik lilin dikenali dengan meluas, telah mendapat penciptaan kain batik " pelangi " yang dihasilkan pada permukaan kain dengan berbagai kesan warna dari proses pencelupan. Teknik ini dikatakan pengaruh langsung dari India dan China.(Siti Zainon Ismail, 1986)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkembangan batik di Kelantan, lebih-lebih lagi tempat asal batik bermula di Lorong Gajah Mati Kota Bharu. Sememangnya seni batik ini berkembang atau bermula pada awal tahun 20an iaitu terdapat tiga buah perusahaan terapan lilin di Kota Bharu. Almarhum Haji Che Su adalah pelopor yang terawal perusahaan batik Kelantan dalam tahun 1921.

Walaupun kain-kain pelangi keluaran Haji Che Su tidak dikatakan sebenarnya kain batik masih dianggap asas kepada perusahaan kain batik. Walau bagaimanapun pengeluaran Haji Che Su ini telah bertukar corak dan caranya pada tahun 1920-an. Setelah berlakunya perkembangan batik seterusnya pada tahun 1922 maka tercipta blok-blok kayu yang diukir untuk mendapatkan corak-corak yang dikehendaki dengan ini corak atau design tidak terhad lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga kemasukan alat-alat pencelup dari luar negeri pada 1926 membawa perubahan dalam cara pengeluaran , ialah menuju kepada corak-corak batik hari ini dengan warna-warna yang tidak begitu terhad lagi. Sejarah pemakaian batik Kelantan berkaitan dengan bahasa dan merupakan pakaian tertua dalam budaya melayu , wanita memakai dengan cara berkembang dan lelaki memakainya di pinggang. Begitu pentingnya peranan kain sarong dan selendang pada zaman dahulu. Malah dalam zaman kegemilangan kain sarong dahulu merupakan pakaian seharian keluarga diraja , rakyat yang berbilang kaum dari segenap lapisan masyarakat.

Manakala Sultanah Zainab Tengku Maharani Puteri Boneka Perempuan Zainab II, of Kelantan, wearing a batik sarong in 1933. Pada tahun 1933 batik stensil dicipta oleh Mohd Yussof dan Company dan seterusnya 1941-1945 hampir kegiatan terhenti kerana perang dunia kedua. Kemudian setelah selepas perang, perusahaan batik diteruskan dengan cara stensil, namun begitu batik lilin atau batik pukul terus dikeluarkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah ditinjau dari awal kemunculan perusahaan membatik oleh masyarakat Kelantan ini kita dapati terdapat dua tahap penting dalam evolusinya iaitu tempoh 1911-1928 merupakan peringkat asas penyediaan pada usaha-usaha membatik; tahap kedua ialah 1928-1940an, sebagai peringkat terciptanya perusahaan membatik melalui berbagai cara. Kedua-dua tahap ini merupakan asas penting kepada kemajuan perusahaan kain batik di Kelantan hari ini.(Pauziah haji Abdullah, 1983)

Walau bagaimanapun tidak lupa bahawa bersama perkembangan batik Kelantan, malah berhadapan dengan sebab-sebab dan pengaruh-pengaruh yang kuat, pada masa kini keadan telah berubah batik dicipta dengan pelbagai reka corak moden tetapi motif yang digunakan agar sama atau diubah secara abstrak. Perusahaan batik di Kelantan diteruskan oleh generasi baru yang berminat kerana ianya menjadi suatu tradisi masyarakat Kelantan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan mendapat pihak tertentu seperti Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kraftangan, BIMB dan sebagainya supaya batik Kelantan tetap kekal dan mendapat perhatian masyarakat dan pelancong.

2.3 Latar Belakang Sosial Budaya Masyarakat Melayu Kelantan

Kebudayaan tergolong dalam satu lingkungan sosial budaya sesuatu masyarakat yang dipengaruhi, dianuti atau amalan sesuatu kaum dengan cara hidup masing-masing seperti Melayu, Cina dan India. Maka kebudayaan mempunyai hubungan yang rapat sekali dengan masyarakat kerana tidak akan ada kebudayaan sekiranya tiada masyarakat.

Negeri Kelantan merupakan negeri yang unik yang mana ianya mempunyai pola kehidupan sosio-ekonomi serta budaya, politik, baik yang bercorak akademik ataupun bercorak popular. Kebanyakkan rakyat Melayu Kelantan ramai yang melibatkan diri dalam perdagangan dan perusahaan. Kebudayaan merangkumi semua bidang kehidupan baik pengetahuan, kesenian, kepercayaan, undang-undang moral, adat istiadat dan jua yang dikaitkan dari apa yang diwarisi dari masyarakat. Sama ada masyarakat Melayu atau cina mereka membentuk masyarakat mereka sendiri tetapi mereka saling berhubung kerana timbulnya pelakuan pemikiran serta mempunyai hubungan sosial sesuatu penempatan yang sama. Walaubagaimanapun kehidupan mereka tidak boleh lari dari meneruskan kehidupan atau peralatan untuk menguasai alam persekitaran yang mana dilihat dalam struktur politik, ekonomi dan sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Struktur Politik Masyarakat Melayu Kelantan

Sistem Kepimpinan dan pentadbiran masyarakat Kelantan berdasarkan kepada golongan yang memerintah mewarisi kuasa secara keturunan, dan rakyat merupakan golongan yang diperintah. Golongan memerintah mewarisi kuasa secara keturunan mempunyai susunan kedudukan yang tersendiri. Kuasa mutlak terletak pada raja dan sultan yang dilantik secara keturunan. Mengikut adat Temenggung negeri Kelantan sesiapa yang bakal menjadi sultan adalah anak lelaki yang sulong sebagai bakal pemerintah negeri itu. Kedudukan sultan akan dinasihati oleh pembesar-pembesar yang ditentukan secara keturunan. Walau bagaimanapun, penentuan pembesar-pembesar ditentukan oleh sultan yang memerintah. Memandangkan pada warisannya sultan ada kuasa mutlak menentukan kedudukan pembesar-pembesar mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi pentadbiran, negeri Kelantan dibahagikan kepada beberapa jajahan dan setiap jajahan kepada beberapa daerah. Daerah pula dibahagikan kepada beberapa daerah.Daerah pula dibahagikan kepada mukim. Struktur pentadbiran yang seperti ini berbeza daripada struktur pentadbiran negeri-negeri lain di Malaysia yang hanya terbahagi kepada daerah-daerah dan mukim-mukim sahaja. Pegawai daerah Penggawa, Ketua Kampung disebut Penghulu, di negeri-negeri lain pangkat Penggawa tidak wujud. (Wan Abdul Kadir, 1993)

Kedudukan masyarakat Kelantan secara berkelompok dengan golongan besar dan kemudian penyusunan yang baik apabila kawasan atau kelompok penduduk semakin besar. Masyarakat Kelantan yang dipengaruhi dengan sedikit sebanyak dengan amalan Hindu-Buddha yang dianuti di Negeri ini. Penerimaan agama Hindu itu sendiri adalah bertujuan memperkuatkan kedudukan masyarakat Melayu. Sultan dan Pembesar adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penasihat yang bertujuan memperkuatkan dan memperkemaskan kerajaan Melayu Kelantan dalam sistem politik kerajaan Melayu. Penyusunan pembesar dan adat istiadat di istana amat banyak dipengaruhi budaya Hindu-Buddha. Bagaimanapun kekuatan dan keberanian pemimpin dengan tujuan memperkukuhkan kedudukan sistem politik sangat hebat.

Masyarakat Kelantan yang khusus, yang mempunyai kepentingan politik sendiri. Ciri-ciri orang Kelantan mengandungi tiga komponen yang utama, iaitu mengikut adat resam, dari segi gaya hidup dan budayanya. Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan beragama Islam. Konsep ini bersesuaian dengan kepentingan mereka sebagai penduduk majoriti negara ini. Dan dari segi ciri agama Islam juga sama dan adalah bersesuaian memandangkan semua orang Melayu di negara ini beragama Islam dan tidak bercanggah dengan mana-mana agama dan adat resam yang dianuti oleh masyarakat lain. Konsep Melayu dan menghormati bangsa lain di bina demikian bertujuan menjaga kepentingan bagi masyarakat Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di negeri Kelantan sistem politik dan organisasi politik tradisional Melayu selalu ditegaskan sebagai masyarakat yang bercorak Feudal. Dari aspek yang mana menentukan kepimpinan dan corak pentadbiran masyarakat di mana perhubungan melalui nilai-nilai sosial berdasarkan kuasa dan kuatkuasa raja dan rakyat dalam kepimpinan tradisional.

2.3.2 Latar Belakang Kekerabatan Masyarakat Melayu Kelantan

Konsep keluarga bagi masyarakat Melayu tradisi agak luas hubungan keluarga itu bukan sahaja berasaskan kepada ikatan darah dan perkahwinan tetapi juga meliputi Hubungan erat dalam keluarga kerana mereka tinggal setempat diperkuatkan lagi oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sistem nilai yang berkaitan. Orang tua memainkan peranan penting sebagai pemimpin. Mereka ini merupakan tempat anggota-anggota kerabat merujuk bagi mendapatkan nasihat.

Hubungan keluarga itu penting dalam segala aspek penghidupan. Mereka bukan sahaja memberi bantuan dan sokongan kerjasama sesama mereka tetapi juga penting memberi simpati apabila mereka menghadapi kesusahan. Di kalangan anggota-anggota masyarakat tradisional sangat menekankan kepada ikatan keluarga terutamanya apabila mereka tinggal setempat. Walau bagaimanapun mereka berusaha mengesan walaupun jauh , ikatan keluarga antara seorang dengan seseorang yang lain. Dengan menyedari hubungan keluarga itu dapat memberikan rasa kekitaan yang lebih erat. Mereka dalam keluarga itu merasakan ikatan mereka lebih rapat.

Anggota-anggota keluarga mengikut masyarakat Kelantan amat bergantung kepada orang tua mereka dari segi ekonomi. Hubungan di kalangan keluarga mereka dengan orang tua amat penting dalam mengekalkan kegiatan ekonomi. Orang-orang tua mereka yang telah lama berpengalaman dalam kegiatan ekonomi yang diwarisi merupakan tempat merujuk bagi generasi muda apabila menghadapi masalah dalam perkerjaan pertanian dan dianggap penting bukan sahaja dalam memberikan keharmonian sosial, tetapi juga penting bagi generasi muda menerima tradisi kegiatan ekonomi. Ekonomi sara diri amat memerlukan sokongan atau kerjasama di kalangan keluarga mereka. Ini akan menentukan hubungan yang berpanjangan di kalangan kelompok-kelompoknya.

Ibu bapa dan keluarga dalam kelompok memainkan peranan penting bagi menentukan pasangan anak-anak. Anak-anak sangat bergantung kepada ibubapa dan keluarga dari segi sosial dan ekonomi. Mereka tidak dapat berpisah daripada ibubapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan keluarga dalam kelompok dari segi tempat bergantung bagi keperluan sosial dan ekonomi. Memandangkan kepada hubungan yang demikian, bakal menantu yang dipilih itu sudah pasti bersesuaian dengan ibubapa dan keluarga. Bagi menantu yang tidak dapat diterima oleh ibubapa dan keluarga akan menimbulkan kesusahan.

Kedudukan sosial dan ekonomi masyarakat Kelantan ini yang demikian amat penting bagi ibubapa menentukan pemilihan menantu atau pasangan bagi anak-anak mereka. Anak-anak yang berkahwin tetap tinggal bersama atau berhampiran dengan keluarga mereka. Hubungan keluarga demikian pemilihan yang bersesuaian amat penting iaitu dapat diterima oleh kedua-dua belah pihak. Pemilihan pasangan lebih cenderung berlaku dalam anggota kelompok. Pilihan pasangan biasanya perkahwinan di kalangan sepupu. Perkahwinan seperti ini berkait rapat dengan kepentingan sosial dan ekonomi. Dengan ini dipercayai dapat membantu anggota-anggota keluarga dari segi ekonomi. Perkahwinan seperti ini juga menjamin bahawa harta keluarga tidak mengalir ke lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mereka menyedari bahawa hubungan yang berasaskan kepada darah keturunan itu lebih dekat berbanding dengan ikatan perkahwinan. Konsep keluarga itu adakala lebih longgar. Keadaan ini mereka membahagikan kepada keluarga dekat dan keluarga jauh adalah mesra bila tinggal bersama. Pemisahan itu berasaskan kepada ikatan keluarga darah keturunan dan juga perkahwinan. Adakala hubungan keluarga jauh lebih mesra apabila mereka tinggal berdekatan.Tempat tinggal juga memainkan peranan penting dalam menentukan kekuatan ikatan keluarga. Mereka berasa dan beranggapan lebih kukuh ikatan keluarga apabila lebih mesra. Sistem Kekeluargaan ini dituruti oleh semua masyarakat Kelantan tidak mengira kaum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Latar Belakang Ekonomi Masyarakat Melayu Kelantan

Kegiatan perdagangan di Kelantan amat terbatas pada abad ke 19, perdagangan dijalankan secara bertukar-tukar barang secara meluas, terutamanya kegiatan ini dijalankan di tepi-tepi sungai. Eksport utama Kelantan pada masa itu ialah emas, lada hitam, beras, kahwa sejenis kopi, kain sutera yang ditenun dammar, pinang kotai sebagai bahagian pewarna. Masyarakat Kelantan juga menjemput termasuk minyak tanah, rempah ratus, kain kapas, benang, candu dan barang makanan. Maka di sini menunjukkan masyarakat Kelantan terlibat dengan perusahaan pemakaian seperti batik dan tenunan.

Negeri Kelantan pada zaman silam disebut pelbagai nama. Ini disebabkan para pedagang dari Negara-negara Arab, China dan India pernah menjadi Kelantan pelabuhan persinggahan terakhir sebelum mereka meneruskan perjalanan ke Siam dan Kemboja. Disebabkan masyarakat Kelantan berbilang kaum maka corak dan tingkat-tingkat perkembangan itu dijadikan sebagai landasan melihat perubahan-perubahan kebudayaan dan masyarakat serta pengaruh-pengaruh yang dialami masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Orang Melayu Kelantan dari segi sejarahnya kurang terlibat dalam dunia perniagaan, kecuali secara kecil-kecilan yang diwarisi sejak zaman berzaman.Tradisi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kegiatan ekonomi bagi sesuatu kelompok. Nilai-nilai yang sangat menekankan kepada tradisi pertanian yang diwarisi mempengaruhi kedudukan ekonomi orang-orang Melayu secara keseluruhan. Hubungan dengan tanah telah sebati dengan kehidupan oang-orang Melayu mengurangkan mereka berminat untuk melibatkan diri dalam perniagaan. Namun demikian, perlu juga ditinjau dari pendekatan lain iaitu pengalaman mereka dalam lapangan perniagaan, terutama dengan perkembangan ekonomi moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ikatan kepada pertanian, melibatkan rasa kurang selamat jika mengambil bahagian dalam perniagaan kerana risikonya lebih tinggi. Walaupun ini merupakan suatu cabaran, kerana kaum-kaum lain dikelantan berebut-rebut menjalankan kegiatan ekonomi dinegeri ini tetapi nilai-nilai tradisi yang masih mempengaruhi kehidupan mereka menjadikan lapangan perniagaan itu sebagai suatu yang baru.

Kegiatan ekonomi mempengaruhi masyarakat Kelantan mengikut kaum dan mengikut hak masing-masing dalam sistem nilai. Berpuas hati dengan kedudukan dan pencapaian ekonomi pada sesuatu masa itu merupakan suatu yang telah lama wujud di kalangan masyarakat. Dalam sistem ekonomi sara diri yang diwarisi dalam masyarakat tradisional tidak mendorong mereka untuk berusaha lebih kuat memandangkan keperluan mereka yang terbatas. Apabila kedudukan ekonomi telah banyak berubah seperti dalam masyarakat kini, nilai-nilai tradisi itu masih juga secara meluas mempengaruhi orang-orang Melayu. Kepuasan kedudukan atau pencapaian ekonomi boleh menghalang seseorang daripada untuk meningkatkan kegiatan. Mereka berpuas hati dan merasai memadai dengan apa yang dimiliki.

Kepuasan ekonomi itu sebenarnya dibatasi rasa dalaman diri seseorang atau nilai-nilai yang merasakan sudah mencukupi segala yang dimiliki. Kekuatan agama, bersyukur kepada nikmat-nikmat yang telah diberikan dengan sendirinya dapat memberikan kepuasan dan dapat dirasai oleh masyarakat Kelantan itu sendiri.

2.3.4 Latar Belakang Pendidikan Masyarakat Melayu Kelantan

Perkembangan pendidikan di negeri Kelantan ini telah memperlihatkan kesan-kesannya yang semakin meningkat. Pendidikan kebangsaan memperlihatkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia dapat melahirkan generasi muda yang mempunyai kesedaran kebangsaan Malaysia. Sambutan di kalangan penduduk tidak dapat disangkal lagi. Ini amat penting dalam menentukan kehendak dan keperluan nasional yang didapati semakin penting.

Masyarakat Kelantan memperbaiki paras pendidikan mereka amat jelas sekali melalui perkembangan pendidikan mengikut kehendak Negara. Adalah disedari bahawa masyarakat Kelantan yang dominan di kawasan luar Bandar selama ini, sejak zaman kolonial tidak mempunyai peluang untuk memperbaiki kedudukan pendidikan pada paras yang lebih tinggi. Sekolah-sekolah yang dibina di negeri ini berkembang secara meluas, warisan kolonial tidak memberikan peluang kepada masyarakat Kelantan tidak mengira kaum untuk meningkatkan pencapaian pendidikan mereka

Kedudukan sosio-ekonomi tetapi kemudian masyarakat Kelantan melalui perubahan yang pesat apabila pendidikan kebangsaan diperkenalkan. Pendidikan aliran Inggeris yang bermula pada zaman kolonial mempunyai nilai-nilai sosio-ekonomi yang baik. Sekolah-sekolah aliran ini yang dimaksudkan ini hanya terdapat di kawasan – kawasan Bandar. Masyarakat yang mampu memasiki sekolah Inggeris ini dari kalangan elit Bandar. Keluarga mereka ini juga yang kemudian mempunyai peluang untuk mengisi jawatan-jawatan penting dalam jabatan kerajaan. Dalam sistem pendidikan demikian sekolah-sekolah di Kelantan berkembang hanya sekadar untuk mengisi keperluan membaca, menulis dan mengira di kalangan masyarakat yang tinggal di kampung-kampung.

Sistem pendidikan di Kelantan yang demikian yang dibina oleh Kerajaan tidak akan memisahkan masyarakat Bandar dan kampung juga tidak mengira bangsa dari segi instruktur keperluan diberi sama rata tetapi juga penting dalam melahirkan perbezaan antara elit dan rakyat atau petani. Golongan elit dengan berbagai bangsa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang tinggal di bandar-bandar mempunyai peluang-peluang yang lebih baik bagi terus mengekalkan kedudukan mereka melalui sistem pendidikan yang demikian. Sedangkan kepada golongan petani di luar bandar berterusan mengekalkan kedudukan mereka yang diwarisi selama ini dan cuba memperluaskan ilmu dan mengejar cita-cita. Golongan rakyat hanya mampu meneruskan pendidkan sekolah dan pendidikan agama mengikut kaum masing-masing. Aliran pendidikan yang demikian dapat memberi ruang dalam lapangan yang lebih jauh berasaskan latar belakang pendidikan yang mereka terima.

Melalui bahasa Melayu, memberi peluang kepada orang-orang Melayu di Kelantan dapat mengikuti pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Ini merupakan hasil pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan. Sekolah-sekolah menengah didirikan dengan meluas ke kawasan-kawasan kampung dan pedalaman. Pertambahan sekolah menengah yang menggunakan bahasa pengantar bahasa kebangsaan memberi peluang kepada anak-anak Melayu Kelantan dan kaum lain meneruskan pendidikan hingga ke pengajian tinggi. Semakin bertambahnya pelajar di institusi pengajian tinggi juga berasaskan kepada bantuan biasiswa yang semakin bertambah. Kedudukan ekonomi terutama di kalangan para petani sudah pasti tidak mudah bagi mereka membiayai pendidikan anak-anak mereka pada peringkat tinggi. Berjaya memegang jawatan tinggi dalam bidang pentadbiran kerajaan juga bertambah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Negeri Kelantan juga tidak ketinggalan dalam arus pembangunan yang pesat dilalui oleh Negara ini, terutama dengan perkembanagan teknologi dan industri moden, penekanan yang diberikan oleh perancang pendidikan kepada bidang sains semakin ketara. Memandangkan sejak lama dahulu amat kurang, maka dorongan dan galakan daripada kerajaan amat penting. Berasaskan kepada kesedaran itu maka kerajaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberikan keutamaan kepada bidang sains dengan harapan melahirkan orang-orang yang ahli dalam bidang professional. Keadaan ini amat nyata dalam perkembangan pendidkan moden yang pesat berkembang. Bidang pendidikan didapati semakin popular dan persaingan yang dihadapi para pelajar jelas sekali. Masing-masing berlumba-lumba mencapai kejayaan. Institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang begitu pesat dapat mendapat sambutan dan rebutan masyarakat Kelantan dalan pendidikan dan bermakna mempunyai peluang-peluang yang lebih baik dalam sistem pendidikan itu.

2.3.5 Latar Belakang Adat dan Kepercayaan Masyarakat Melayu Kelantan

Negeri Kelantan tidak terlepas dari unsur-unsur pengaruh yang jelas dalam lapangan bahasa dan kesusasteraan terutamanya tentang bahasa , prosa, puisi-puisi dan istilah-istilah. Dari segi bahasa terdapat banyak perbendaraan kata Hindu serta kesenian dipengaruhi dan ditinggalkan oleh pengaruh India meskipun kedatangan Islam. Falsafah kehidupan seharian adalah berkaitan dengan masyarakat, kepercayaan Hindu-Buddha dan falsafah kehidupan mereka telah menyerap di dalam masyarakat dan mengubah sikap hidup orang-orang Melayu serta memperkuatkan kedudukan raja, bidang keagamaan mereka.

Seni budaya yang unik terkenal di negeri Kelantan dengan seni rakyat yang terkenal dengan dikir barat, makyung dan wayang kulit. Maka seni inilah yang mempengaruhi masyarakat Kelantan . Satu lagi bentuk drama tradisional yang popular di Kelantan pada zaman dahulu ialah menora. Kesenian ini mengandungi banyak pengaruh unsur-unsur drama Siam. Menora lebih menekankan aspek tarian daripada aspek jalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cerita. Pekara yang unik tentang menorah ialah kesemua pelakonnya orang lelaki. Pelakon yang mendukung watak puteri atau inang pengasuh, misalnya dikenakan pakaian wanita dan di solek dengan sewajarnya.

Dalam kebudayaan pemakaian setiap drama atau permainan tradisional seperti Permainan gasing dan wau serta hasil-hasil kraf tangan seperti songket, batik, barang-barang perak dan tembaga turut mengharumkan nama Kelantan sebagai negeri yang kaya dengan warisan seni dan budaya. Dialek Kelantan juga merupakan sebagai lambang sosial budaya masyarakat Kelantan, dikaitkan dengan bidang-bidang masyarakat dalam segala aktivitinya serta menjadi lambang identiti masyarakat yang mengandungi sistem-sistem nilai dan tradisi ahli-ahlinya.

Walau bagaimanapun menyentuh kepercayaan dan keagamaan serta perkembanagan masyarakat yang mana menjadi sumber-sumber pengaruh dalam kehidupan sama ada dalam politik, ekonomi dan sosial. Kelantan tetap berupaya mengekalkan identiti sosial budaya yang telah wujud bertahun lamanya dengan kewibawaan yang dibawa oleh setiap kaum di dalam negeri itu.

2.3.6 Latar Belakang Nilai dan Norma Masyarakat Melayu Kelantan

Nilai sosial berkait rapat dengan norma sosial. Kedua-duanya saling membantu dan tidak boleh dipisahkan serta penekanan kepada perlakuan yang diberikan pengesahan oleh masyarakat. Perlakuan masyarakat kelantan demikian dapat dikatakan sebagai suatu kebiasaannya dan dianggap bersesuaian bagi masyarakat Kelantan Perlakuan-perlakuan demikian sudah pasti berlandaskan kepada nilai-nilai yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam keadaan ini dari nilai itu kemudian yang menentukan perlakuan yang baik dan yang tidak baik.

Dalam masyarakat Kelantan yang mempunyai berbagai kaum menentukan ukuran tentang baik dan buruk, cantik dan buruk, serta halus dan kasar melibatkan pengukuran nilai yang diberikan oleh masyarakat Kelantan itu sendiri. Ini melibatkan penentuan yang diberikan berasaskan kepada rasa dalaman individu yang dapat menentukan nilai dalam kaum masing-masing.

Sebenarnya individu sebagai anggota masyarakat yang berbagai kaum menerima nilai-nilai yang diberikan oleh masyarakat Kelantan itu sendiri. Bagi membolehkan anggota masyarakat menentukan nilai sudah pasti dipengaruhi oleh masyarakat keliling. Oleh itu sistem nilai itu dikongsi bersama oleh masyarakat. Pertimbangan dalam pengajian budaya ialah nilai-nilai yang dikongsi bersama. Walaupun persoalan memberi nilai realiti antara individu-individu memandangkan individu itu dipengaruhi oleh masyarakat, maka perbezaan nilai-nilai sosial di kalangan masyarakat itu tidak jauh berbeza dan dapat menentukan nilai masyarakat masing-masing.

Masyarakat menerima nilai-nilai sosial, sebagaimana unsur-unsur budaya yang lain berasaskan proses sosialisasi yang berterusan. Masyarakat keliling memainkan peranan penting dalam menentukan penerimaan nilai-nilai sosial itu. Kemungkinan terdapat perbezaan nilai antara kelompok-kelompok sosial dalam masyarakat dengan budaya dan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Kelantan itu sendiri. Masyarakat yang menentukan sesuatu nilai itu boleh diterima dan menjadi keperluan bersama dan menentukan pembangunan dan kemajuan negeri itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menentukan nilai amat penting bagi masyarakat Kelantan supaya tidak menimbulkan kekacauan atau kekeliruan sosial. Dengan menentukan nilai bermakna perlakuan masyarakat dapat dikawal serta dapat dijangkakan kehendak-kehendak sosial bagi kepentingan keseimbangan sosial. Memandangkan dalam budaya itu terdapat berbagai-bagai unsur dan adat yang membezakan antara satu dengan yang lain sudah tentu memerlukan suatu penentuan atau ukuran bersama. Dalam membezakan yang baik dan buruk, cantik dan buruk, serta halus dan kasar sesuatu kaum itu.

Dalam menentukan nilai itu tidak bermakna sentiasa melahirkan keselesaan. Terdapat keadaan konflik atau percanggahan nilai dalam masyarakat antara kelompok atau kumpulan sosial. Dengan terdapatnya konflik nilai itu membolehkan berlakunya perubahan nilai. Nilai-nilai tradisi menghadapi konflik apabila bertembung dengan nilai-nilai yang dikatakan moden yang dibawa dari luar. Dalam menghadapi, akhirnya masyarakat yang menentukan nilai-nilai yang boleh diterima. Konflik nilai itu boleh membawa perubahan dan seterusnya pembaharuan bagi sesuatu masyarakat. Nilai boleh dikaitkan dengan berbagai-bagai kepentingan. Nilai-nilai yang berasaskan kepada Islam dengan nilai-nilai tradisi. Nilai-nilai Islam juga boleh menimbulkan konflik dengan nilai-nilai moden yang dibawa dari luar. Konflik nilai itu tetap wujud dalam masyarakat sebagai suatu ruang yang boleh membawa kepada perubahan. Masyarakat yang menentukan pemilihan. Apabila suatu nilai baru itu sudah mempengaruhi orang ramai secara meluas, maka itu bermakna nilai itu sudah dapat diterima.

Setiap kaum dengan kelompok sosial masing-masing yang mempunyai kepentingan tersendiri dan nilai-nilai yang menjadi pegangan kelompok itu mungkin bercanggah dengan nilai-nilai bagi kelompok lain. Bagi menentukan pengaruh nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mana lebih kuat maka sudah pasti bergantung kepada kelompok mana yang lebih kuat menarik dan mendorong sesuatu kelompuk itu.

Bagi memahami sistem nilai sudah tentu perlu diteliti dari dalam budaya itu sendiri. Perbezaan nilai antara tradisi budaya yang berbeza. Bagi menilai sistem nilai bagi sesuatu masyarakat perlu mendekati dari dalam budaya berkenaan. Menilai sesuatu berdasarkan kepada budaya sesuatu kaum lain melibatkan nilai dan keadaan menyatu padukan semua kaum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

MOTIF-MOTIF BATIK TRADISIONAL KELANTAN

3.1 Jenis dan Bentuk Batik Tradisional Kelantan

Terdapat dua jenis dan bentuk batik tradisional Kelantan iaitu batik blok dan batik lukis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1.1 Batik Blok

Batik blok bermula sejak 1920 an lagi dengan menggunakan blok kayu. Pada mulanya teknik ini menggunakan blok kayu dikenali sebagai terap hitam, kerana pewarna yang digunakan berwarna hitam dan diterap atas kain putih. Sehinggalah memperkenalkan blok keluli paling popular dikenalkan. Teknik batik blok ini pula menggunakan kaedah sarang atau blok keluli yang yang dicelup dalam campuran lilin panas cair agar lilin menyerap ke dalam kain putih. Biasanya batik blok ini dibuat untuk menghasilkan kain sarung, kain lepas, cadar, sarung kusyen, alas meja dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sarang (acuan batik cap) yang diperbuat daripada bahan besi dipelopori oleh Haji Che Su dari Kota Bharu, Kelantan telah mengambil alih tugas blok kayu. Bahan tembaga mula digunakan bersama-sama sarang besi pada awal abad ke 20 disebabkan bahan mudah dipotong dan dipaterikan antara satu sama lain.

Sarang jenis ini meninggalkan garis serta titik halus dan kemas pada terapan lilin apabila dicelup dengan pewarna. Corak dan motif yang lebih rumit dan sempurna juga dapat dihasilkan. Terdapat juga blok yang diperbuat daripada kepingan timah dan zink dan corak yang dihasilkan juga kemas dan halus buatannya.

3.1.2 Batik Lukis

Sekitar tahun 1970 an Negara ini mula menggunakan canting sebagai alat untuk batik tulis. Kaedah batik ini menggunakan alat canting yang diisi dengan lilin cair untuk melukis atau mencanting di atas kain. Cara mewarnanya menggunakan berus seperti kaedah melukis cat air. Batik ini digunakan untuk membuat pakaian, alat-alat hiasan, catan dan sebagainya.

Proses membatik melibatkan teknik melilin, mewarna, mengering dan merebus bahan kain. Namun begitu teknik pembuatannya adalah berlainan antara satu lain samada dari segi rekacorak atau proses pewarnaannya.

Batik lukis semakin popular di zaman awal abad ke-20 ini. Batik lukis dikenali juga sebagai Batik Lukis atau Batik Canting. Batik ini merupakan kaedah baru yang telah menaikkan perusahaan batik di Malaysia. Sebelum ini, Batik lukis hanya dibuat untuk hiasan dinding seperti gambar pemandangan yang dijual kepada para pelancong. Di awal tahun 1970 an, teknik ini telah digunakan dalam pembuatan skaf, tali leher dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kain selendang. Namun penggunaanya semakin meluas sehingga kepada kegunaan harian seperti baju kurung wanita, kemeja lelaki, sarung kusyen, pengadang ruang dan sebagainya.

Satu kaedah baru membuat batik yang telah menaikkan perusahaan batik di Malaysia adalah Batik lukis. Pada mulanya, batik dipersembahkan sebagai hiasan dinding yang berupa pemandangan dan dijual kepada para pelancong. Penggunaannya kemudian diperluaskan lagi dalam bentuk baju kurung wanita, kemeja lelaki, sarung kusyen, pengadang ruang dan sebagainya. Kini kain Batik lukis amat digemari oleh peminat fesyen kerana dapat dipadan dan disesuaikan dengan kehendak dan kegunaan mengikut arus peredaran zaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Motif- Motif Batik Tradisional Kelantan

Motif-motif batik tradisional Kelantan merangkumi motif flora, motif fauna, motif geometri, motif kosmos, motif kaligrafi, motif abstrak dan motif isen.

3.2.1 Motif Flora

Motif flora ialah motif yang berunsurkan tumbuh-tumbuhan untuk menghiasi kain batik seperti pucuk rebung, bunga teratai, binga cempaka, bunga mangga, daun keladi, daun sireh, tampak manggis, pohon ara, akar-akar menjalar dan sebagainya.

Motif-motif ini direka corak diatas batik sarung adalah kerana menghiasi badan kain sarung seperti bunga, kuntum, putik, daun, rantingan dan pucuk di susun menjalar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan bentuk lembut helaian daun, kelopak, ranting dan bunga disusun berdahan tegak. Begitu juga untuk menghiasi bahagian kepala kain(gunung) dan kaki kain(gigi), motif pucuk rebung digunakan dengan rekaan yang dikombinasikan gaya organik dan geometri.

Bagaimanapun batik Kelantan yang dihiasi dengan motif dipercayai mempunyai banyak pengaruh Indonesia, Hindu dan Buddha. Bagaimanapun ciptaan yang dibuat tidak lari dari ciri-ciri kepercayaan tahyul, agama dan kedudukan seseorang yang akan menjadi pemakaian seharian mereka. Motif flora ini dikaitkan atau direka kerana ianya ada hubungan rapat masyarakat dengan alam sekeliling dan falsafah bagi mereka seperti bunga teratai dan pucuk rebung yang membawa maksud yang pelbagai bagi setiap kaum mengikut kepercayaan masing-masing.

Motif bunga teratai yang membawa maksud yang sama bagi masyarakat Melayu, Cina dan India yang memberi makna atau simbol kesucian iaitu konsep ketuhanan dan kealaman dari lambang bunga teratai itu terpancar lambang kebudayaan masing-masing. Oleh itu mereka menyatakan bahawa bunga teratai adalah kunci segala kunci.

Begitu juga dengan motif pucuk rebung yang membawa maksud atau simbol nikmat kesuburan atau juga merupakan semangat bagi setipa kaum terutamanya masyarakat Melayu. Kewujudan motif-motif ini dapat diterima oleh semua kaum di Kelantan daripada dahulu hingga kini.

Tumbuhan yang dijadikan bahan ukiran ialah yang tumbuh di sekitar kawasan rumah dan di sekitar tempat yang sering dikunjungi beliau sama ada di belantara atau di tepian sungai atau di semak samun yang difahaminya kerana keilmuan alamiah atau kerana dipelajarinya secara berguru.Tumbuhan yang biasa menjadi inspirasi pelukis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah tumbuh-tumbuhan menjalar ataupun pohon-pohon yang mengeluarkan bunga. Motif tumbuhan sangat sesuai dibentuk dan digayakan mengikut kebijaksanaan pengukir.Tumbuh-tumbuhan yang sering menjadi sumber ilham ialah ketam guri, kerak nasi, ketola, peria, saga kenering, kala bukit, daun salad, bunga lawang, bunga raya, bunga cina dan sebagainya

Terdapat perbezaan penciptaan motif bentuk tumbuhan yang dihasilkan melalui blok kayu dengan blok besi atau tembaga. Perbezaan ini dapat dikesan melalui penggunaan warna yang terbatas dan sukar untuk menghasilkan paduan warna yang bersih melalui blok kayu, umpamanya untuk membentuk kuntuman, ragaman sulur bayung, dahan atau batang bunga. Sebaliknya, melalui blok tembaga dan besi bentuk motif dapat dihasilkan dalam bentuk lembut dan lebih organik. Ini disebabkan melalui blok tembaga dan besi proses celupan warna dapat dilakukan beberapa kali apabila diterap dengan lilin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak terdapat penggunaan bentuk tumbuhan yang khas sebagai motif batik, kecuali bentuk pucuk rebung sebagai hiasan di kepala dan kali kain. Sebaliknya kebanyakan bentuk tumbuhan yang digunakan dipengaruhi oleh persekitaran.

Motif tumbuh-tumbuhan ialah satu daripada unsur yang memberi sifat yang tersendiri dalam seni rupa Islam. Motif ini mengalami perubahan bentuk dibeberapa peringkat. Bentuk pohon yang asas ialah bentuk pohon anggur, dengan tangkainya yang melengkung. Bagaimanapun, sulur anggur diganti dengan sulur kacang untuk memencarkan identiti tempatan. Garis yang menggambarkan pohon tersebut berbelit-belit tetapi dalam susunan yang terang dengan motif daun. Garis-garis itu sambung menyambung tiada pangkal dan tiada hujungnya. Motif-motif ini disusun mengikut susunan geometri sehingga terhasil keadaan tenteram, sungguhpun garis-garisnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meliputi permukaan bahan. Ada pula gubahan-gubahan kecil diasingkan dalam petak di sisi motif geometri ini. Hasilnya motif-motif itu mempunyai kedua-dua sifat iaitu keaslian tumbuh-tumbuhan dan bentuk abstrak. Dalam seni logam khususnya seni perak, terdapat penggunaan bentuk tumbuh-tumbuhan yang diasingkan dalam petak reka bentuk caping dengan susunan empat bedahak.

3.2.1.1 Motif Bunga Cempaka

Motif ini diilhamkan dari bunga cempaka. Bunga ini selalu digunakan pada bahagian badan kain. Motif cempaka ini melambangkan keperibadian gadis-gadis Melayu. Bagi masyarakat Melayu bahawa bunga cempaka ini memberi manfaat kepada manusia, dan percaya bunga ini boleh dijadikan ubatan dan mengeluarkan haruman dan keharumannya dapat memikat hati dan perasaan manusia.

Motif bunga cempaka ini biasanya digunakan untuk menghiasi kain batik ela - bunga, kuntum, putik, daun, ranting, dan pucuk digunakan secara tunggal. Ia juga digunakan untuk menghiasi badan batik sarung iaitu bunga, kuntum, putik, daun, ranting disusun menjalar datar dengan bentuk lembut helaian daun, kelopak serta ranting dan bunga, atau bungaan disusun berdahan tegak. Bahagian kepala kain (gunung) dan kaki kain (gigi), motif pucuk rebung digunakan : biasanya bukan corak organik tulen tetapi bentuk campuran gaya organik dan geometri.

3.2.1.2 Motif Daun Sireh Emas

Motif ini diilhamkan dari dauh sireh dan direka dalam ragam hias badan batik sarung tradisional. Selain itu bunga ini juga dijadikan makanan dan ubat-ubatan kepada masyarakat Melayu. Motif ini memberi manfaat kepada masyarakat Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1.3 Motif Bunga Teratai

Bunga teratai ialah sejenis tumbuhan air. Motif ini melambangkan keteguhan iman, kesucian, ketabahan dan ketekunan. Motif ini juga membawa maksud atau simbol kesucian iaitu konsep ketuhanan dan kealaman dari lambing pancaran kebudayaan. Motif teratai ini juga mempunyai nilai kesucian (simbol pengaruh hindu Buddha), hormat kepada pemimpin (menghormati pemimpin atau ketua serta hormat kepada kepercayaan dan adat dalam agama) dan penghargaan (menghargai jasa dan sumbangan pemimpin atau ketua mereka).

3.2.1.4 Motif Bunga Raya

Bunga raya ialah sejenis bunga kebanggaan masyarakat Melayu, bunga ini juga digunakan untuk ubatan dan penawar racun. Masyarakat Melayu tradisional percaya bahawa tumbuhan-tumbuhan merupakan ubat dan penawar yang mustajab bagi mengubati penyakit-penyakit tertentu seperti demam, cirit birit, keracuanan makanan, kencing manis, darah tinggi dan sebagainya. Selain dari menjadi bahan penawar tumbih-tumbuhan ini juga sebagai lambang keberanian (berani melawan musuh demi membebaskan Negara), lambang masyarakat yang mengamalkan semangat kejiranan (beramah mesra dan mengenali jiran tetangga.. Motif ini biasanya diilhamkan pada badan kain batik sarung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1.5 Motif Bunga Mawar

Bunga Mawar ialah sejenis tumbuhan yang sering terhias di perkarangan dan taman. Bunga yang berkelopak tujuh ini melambangkan penawar menolak segala mentera jahat dan guna-gunaan dan bunga ini mengeluarkan haruman dan keharumannya dapat memikat hati dan perasaan manusia. Motif bunga ini melambangkan seharum dan sesuci gadis-gadis Melayu. Motif-motif ini dilakarkan kerana yang dipengaruhi oleh alam sekitar. Nilai kemanusiaan melalui wajah kelembutan, sopan santun, hormat-menghormati dan kasih sayang diibaratkan seperti bunga mawar.

3.2.1.6 Motif Bunga Tanjung


Motif bunga tanjung dalam kehidupan masyarakat Melayu melambangkan perkembangan atau pertumbuhan, kesucian dan realisasi dalam kehidupan manusia. Bunga tanjung ada dua jenis iaitu satu yang separuh kembang dan satu lagi kembang sepenuhnya. Bunga yang kembang separuh digunakan untuk remaja dan yang kembang penuh digunakan untuk orang dewasa. Bunga tanjung ialah sejenis tumbuhan yang sering terhias diperkarangan dan taman. Bunga yang berkelopak tujuh ini melambangkan penawar menolak segala mentera jahat dan guna-gunaan.

Motif bunga ini melambangkan alam yang penuh keindahan serta adat dan sopan santun. Serta diibaratkan seharum dan sesuci gadis-gadis Melayu. Motif-motif ini dilakarkan kerana yang dipengaruhi oleh alam sekitar. Motif bunga tanjung dalam kehidupan orang-orang Melayu melambangkan pertumbuhan, kesucian dan kerohanian kehidupan manusia. Nilai estetika melalui wajah kelembutan, sopan santun, hormat-menghormati dan kasih sayang diibaratkan seperti bunga tanjung. Biasanya motif ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dicorakkan dalam ragam hias yang menghiasi badan kain sarung tradisional Kelantan dengan dihiasi atau dipenuhi dengan motif-motif isen memenuhi badan kain.



Rajah 3.2.1.1 : Bunga Cempaka

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 3.2.1.2 : Bunga Mangga

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2.1.3 : Bunga teratai

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2.1.4 : Daun Sireh

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2 Motif Fauna

Motif fauna juga dipanggil motif binatang bagi masyarakat Kelantan ialah berunsurkan binatang seperti ayam, kupu-kupu, burung, kijang, rusa, ular, naga dan lain-lain. Motif-motif kupu-kupu, rama-rama, kumbang dan burung biasanya di cetak beriringan dengan reka bentuk tumbuhan yang dijadikan pelengkap begitu juga motif ayam, ular, naga burung merak, kijang biasanya di cetak dengan gaya organik dalam bentuk abstrak.

Motif-motif ini digunakan secara simbolik contohnya burung diambil bahagian sayap, kaki, ekor atau kepala yang digayakan untuk menghiasi ruang kain batik itu. Begitu juga dengan motif ular atau naga yang mengambil bahagian badan diabstrakkan menjadikan sisik. Ini adalah kerana motif seperti ular dan naga memberi simbol kepada mitos ular, naga yang didalam metologi Hindu-Melayu- Cina mewakili kuasa suci. Dari segi kepercayaan yang mana menggambarkan sisik ikan atau naga. Menurut agama Hindu, naga sering melambangkan Dewa Penaung. Jadi sesiapa yang memakai kain yang bermotif naga atau sisik ikan, ular akan terpelihara dari sebarang kecelakaan. Disebabkan itulah motif ini begitu popular satu ketika dulu dan kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun kewujudan motif-motif fauna bagi masyarakat Melayu diharamkan kerana ajaran agama Islam, tetapi bangsa lain tidak mengapa. Untuk mengekalkan motif-motif tradisional ini maka pengusaha batik telah mencipta dalam bentuk organik dan abstrak. Oleh kerana motif-motif asal telah diubahsuai maka masyarakat Melayu dapat menerima dan akan mewujudkan motif tradisional itu walaupun dipercayai dipengaruhi oleh kepercayaan magis atau Hindu- Buddha.

Motif –motif fauna berasal dari bentuk-bentuk yang bernyawa. Bentuk-bentuk digayakan sehingga dihilangkan sifat-sifat semulajadinya sehingga ia bersifat infiniti. Motif dilukis dengan gaya organik tapi dibentuk dalam seni abstrak. Motif ini sering

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dicetak seiringan dengan motif tumbuhan. Antaranya ialah motif kupu-kupu, kumbang, burung, ayam, merak, rusa, kijang, manusia, ular, naga dan sebagainya.

Motif fauna tidak banyak dipakai dalam penghasilan atau penciptaan ragam hias berasaskan makluk yang bernyawa, tetapi saki baki daripada warisan itu juga menampakkan ciri-ciri penghasilan yang berunsurkan makhluk hidup. Dalam pemilihan unsur-unsur makhluk hidup biasanya menjadi contoh ialah makhluk-makhluk yang terdapat dipersekitaran seperti burung, kucing, ayam, ikan, itik dan sebagainya. Motif-motif yang berunsurkan makhluk hidup merupakan peninggalan warisan kebudayaan Melayu sebelum Islam. Motif-motif fauna ini tidak sesuai dengan Kebudayaan Melayu yang berteraskan agama Islam.

Motif dari bentuk-bentuk ini selalunya dicetak beriringan dengan motif dari bentuk tumbuhan, malah sering dijadikan sebagai pelengkap umpamanya motif kupu-kupu,kumbang dan burung. Beberapa bentuk lain ialah ayam, burung merak, rusa dan kijang. Motif dilukis dengan gaya organik tetapi dibentuk dalam seni abstrak. Terdapat juga motif yang dibentuk secara simbol terutamanya dalam ragamhias batik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2.1 Motif Ikan

Motif ikan digunakan dalam penciptaan motif tetapi masyarakat pada masa itu tidak lari dari menggunakan motif tumbuh-tumbuhan untuk menghiasi badan kain dan juga dipenuhi dengan corak-corak isen sebagai pelengkap. Motif ikan tidak banyak dipakai dalam penghasilan atau penciptaan ragam hias berasaskan makluk yang bernyawa, tetapi saki baki daripada warisan itu juga menampakkan ciri-ciri penghasilan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berunsurkan makhluk hidup. Dalam pemilihan unsur-unsur makluk hidup biasanya menjadi contoh ialah makhluk-makhluk yang terdapat dipersekitaran.

3.2.2.2 Motif Ayam Jantan

Motif ayam jantan biasanya dilukis dengan gaya organik dalam bentuk abstrak. Motif ayam jantan yang diilhamkan pada batik tradisional Kelantan seperti batik sarong, batik panjang, batik pekalongan Kelantan dan batik kain ela., biasanya motif ini lukis sebelum kemasukan pengaruh Islam. Bagi masyarakat Melayu ayam jantan yang membawa maksud kekuatan , handal, kehebatan, jaguh dan kemantapan. Unsur ini lah yang membuatkan masyarakat Melayu menggambarkan pada batik berdasarkan persekitaran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2.3 Motif Kupa-Kupu

Motif kupu-kupu ini diilhamkan pada batik sarong lasem atau batik contengan, biasanya motif ini lukis sebelum kemasukan pengaruh Islam. Bagi masyarakat Melayu motif rama-rama ini yang memberi maksud keriangan dan kegembiraan. Unsur yang membuatkan masyarakat Melayu menggambarkan pada batik berdasarkan persekitaran mereka. Motif kupu-kupu atau rama-rama dilukis atau dicetak beriringan dengan bentuk tumbuhan yang dijadikan pelengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2.4 Motif Sawat

Motif yang dibentuk secara simbolik contohnya simbol bagi bentuk burung garuda ialah bahagian sayap, ekor, kaki atau kepalanya. Motif sawat atau ekor, motif ini biasanya dilukis pada batik sarong, batik panjang, batik pekalongan Kelantan dan batik kain ela., biasanya motif ini lukis sebelum kemasukan pengaruh Islam. Bagi masyarakat Melayu motif ini yang memberi maksud kekuatan, handal, kehebatan, jaguh dan kemantapan. Unsur inilah yang membuatkan masyarakat Melayu menggambarkan pada batik berdasarkan persekitaran mereka.




Rajah 3.2.2.1 : Ayam

Sumber : Internet (http:images.goegle. com. my/images)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2.2.2 : Ayam

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 3.2.2.3: Ayam Jantan

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2.2.4: Ayam Jantan

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.3 Motif Geometri

Motif geomerti ialah corak daripada bentuk geometri yang digunakan dengan meluas dalam tradisi seni Islam, sama ada secara perulangan untuk hiasan tepi dan tengah atau pun dalam bentuk yang lain.

Garis-garis motif geometri ini untuk hiasan kaki kain atau gigi- susunan garis-garis halus, pucuk rebung, parang rosak, garis-garis lurus yang direka dan disusun menjadi seperti cengkerang, siput, kisi-kisi dan sebagainya. Ianya juga untuk menghiasi kain batik dan pucuk rebung juga sering diletakkan pada bahagian kepala dan kaki kain. Bentuk motif untuk lebih bebas, bentuk bunga berpohon atau bunga tunggal yang disusun untuk memperlihatkan corak lebih menarik.

Corak geometri menggunakan susunan mereng atau tereng. Motif utama ini ialah parang yang dihubungkaitkan dengan peperangan dan semangat kepahlawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada zaman lampau batik Jawa yang menggunakan motif parang hanya dikhususkan untuk golongan istana yang berpangkat kesatria atau pahlawan. Corak motif parang ini disusun secara mereng pada semua permukaan kain sehingga nampak seolah-olah berjalur mereng. Terdapat tiga jenis motif parang iaitu motif parang rosak, parang rosak kritik garuda dan parang kusimo. Selain dari itu terdapat juga corak geometri menggunakan susunan herizontal dan vertikal yang berhubungkait dengan kejadian alam, kosmos dan sebagai latar kepada motif-motif yang lain. Antaranya ialah motif ceplok yang berbentuk persegi, bulat dan bintang; motif banji yang berbentuk swastika, motif ganggang berbentuk vegital; motif titik atau nitik yang berbentuk titik-titik; motif grinsim yang berbentuk bulat seperti sisik ikan dan motif kawang atau kerawang yang berbentuk melalui jalinan dua bulatan.

Sebagaimana yang dijelaskan batik tradisional Kelantan kaya dengan motif-motif geomerti. Biasanya motif pucuk rebung, kawang, kisi-kisi dan sebagainya sering digunakan sebagai kepala kain. Motif-motif ini amat serasi dengan kehendak dan matlamat estetika pada corak kain dan juga estetika seni Islam. Dari motif-motif fauna telah diubah kepada bentuk geometri kerana bagi mereka yang beragama Islam bahawa motif binatang diharamkan dalam ajaran Islam, maka motif ini telah diubah suai setelah masyarakat Melayu dapat menerima motif ini dalam mereka kehidupan mereka.

Walaupun ada sesetengah motif menggambarkan kepercayaan Hindu-Buddha. Dalam seni Islam coraknya distruktur sebegitu rupa oleh pembuatnya, pembatik sehingga menghidupkan sifat infiniti. Maka motif-motif ini tetap digunakan sebagai hiasan dalam batik tradisional sehingga kini.

Unsur geometri atau tumpal mungkin ada hubungan dengan pengaruh kebudayaan pra sejarah. Ukiran yang berunsur geometri ini dapat dikesan dalam seni

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ukiran Melayu yang mengambil pola-pola bentuk bersegi atau yang dikenali sebagai pola tumpal seperti bentuk tiga atau empat segi. Bentuk segitiganya disusun berderet-deret dan kadangkala segitiga itu dicantumkan dengan sulur-sulur tumbuhan. Satu lagi unsur geometri yang dikira warisan pra sejarah ialah pilin berganda iaitu bentuk-bentuk seperti huruf 'S' yang disusun berderet-deret atau ukiran pilin berganda dan berpiuh-piuh.Ukiran motif geometri jenis ini diterapkan juga pada tembikar, sarung keris, tepak sirih, barang-barang tembaga dan alat-alat kegunaan harian yang lain.

Motif geometri asli terdapat dalam susunan garis-garis halus yang terdapat pada bahagian kaki kain yang disebut `gigi`. Garis-garis lulus direka dan disusun menjadi motif buntut siput, kisi-kisi atau jaring bersilang. Beberapa motif geometri asli lain ialah bekas-bekas terapan lilin yang berbentuk titik-titik halus. Motif geometri Dong-son begitu ketara dalam bentuk `S` yang disusun menjadi S berpintal atau disebut sebagai pilin berganda dan parang rosak (dua parang dengan kedudukan mata terbalik):motif swastika telah diubah menjadi motif banji, garis keluk(meander) menjadi motif pinggir awan sering menghiasi bahagian kaki kain menggantikan motif pucuk rebung. Motif ceplok dan kawang juga sering menjadi pilihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua-dua motif ini juga berasal dari Jawa. Motif ceplok sering menghiasi batik sarung dengan susunan cetak empat persegi berisikan beberapa bentuk lain seperti bunga, unggas atau binatang dan garis berpalang. Campuran bentuk motif dalam ceplok melihatkan gabungan dua gaya iaitu gaya organik dan geometri. Motif kawang selalu menghiasi kain batik panjang. Susunan empat bentuk bujur menjadi bentuk bunga memenuhi seluruh kain.

Motif yang sering digunakan pada karya-karya seni rupa di Nusantara ialah `pucuk rebung`. Pucuk rebung digunakan sebagai motif hiasan, ia juga menjadi simbol

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hikmat, mungkin sebelum zaman dongson, sebagai simbol menjadi padi dan kesuburan. Belum terdapat suatu ketetapan sama ada motif hikmat purba atau hanya sebagai hiasan.

Apa yang jelas ialah motif ini menyerupai pokok buluh yang masih muda. Berasaskan cara rebung tumbuh dengan tegasnya, motif ini dapat diterima sebagai simbol hikmat kesuburan. Ia juga meyerupai `pohon hayat` dan `bunga semangat` sebagai manifestasi alam semulajadi. Penggunaan motif pucuk rebung disebabkan oleh pengaruh Dongson di serata rantau ini.

Motif pucuk rebung digunakan pada beraneka jenis rupa dan barang pertukangan Melayu, seperti pada kepala kain songket, ukiran kayu, kelerai, batil perak, cerek tembaga, tepak sirih jebak puyuh, lela dan pada beraneka barang yang dibuat daripada pelbagai bahan. Motif pucuk rebung ini terdapat juga di Indonesia dan Thailand tetapi penggunanya mempunyai sifat-sifat tersendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.3.1 Motif Kisi-Kisi

Motif kisi-kisi yang diilhamkan pada batik tradisional Kelantan. Biasanya motif ini dilukis ada batik sarung, batik panjang, batik pekongan Kelantan dan batik kain ela. Sebelum kemasukan pengaruh Islam, bagi masyarakat Melayu unsur geometri ini direka atau dilukis penuh pada badan kain batik.

Unsur hiasan yang digambarkan pada kain batik tradisional Kelantan merupakan gabungan dari beberapa unsur seni tempatan dan pengaruh luar. Motif geometri asli terdapat dalam susunan garis-garis halus yang pada bahagian kaki kain yang tersebut gigi, garis-garis halus yang direka dan disusun menjadi motif kisi-kisi atau jaring

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersilang. Beberapa motif geometri asli dengan bentuk titik-titik atau isen memenuhi celah-celah badan kain

3.2.3.2 Motif Buntut Siput

Motif ini dilukis pada batik sarung, batik panjang, batik pekalongan Kelantan dan batik kain ela . Bagi masyarakat Melayu unsur geometri inilah direka atau dilukis penuh pada badan kain batik. Unsur hiasan yang digambarkan pada kain batik tradisional Kelantan merupakan gabungan dari beberapa unsur tempatan dan pengaruh luar.

Bagi masyarakat Melayu, dari lambang motif buntut siput ini menyifatkan seseorang itu bijak pandai dalam menghasilkan sesuatu atau selalu bernasib baik. Kebanyakan corak ini dipenuhi dengan isen di celah-celah buntut siput dengan mengunakan titik-titik dan garisan. Motif geometri asli terdapat dalam susunan garis-garis halus yang pada bahagian badan kain. Garis-garis lurus direka dan disusun menjadi buntut siput atau jaring bersilang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.3.3 Motif Pucuk Rebung

Motif pucuk rebung ini dilukis pada batik sarung, batik lasem kelantan, batik conteng dan batik kain ela. Bagi masyarakat Melayu unsur geometri pucuk rebung ini dilukis di bahagian kepala kain diletakan motif pucuk rebung ini. Unsur hiasan yang digambarkan pada kain batik tradisional Kelantan merupakan penghayatan alam sekitar dengan persekitaran mereka dengan falsafah, simbol dan emosi masyarakat Melayu. Motif ini sering terdapat pada tradisi orang Melayu kerana mengambil unsur rebung buluh. Bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat Melayu lambang motif ini juga menjadi simbol hikmat, sebagai simbol padi dan kesuburan. Apa yang jelas ialah motif ini menyerupai pokok buluh yang masih muda. Kebanyakan corak ini dipenuhi dengan hiasan dengan titik-titik dan garisan halus.

3.2.3.4 Motif Parang Rosak

Motif ini lukis pada batik sarung. Bagi masyarakat Melayu unsur geometri parang rosak ini dilukis di bahagian kepala kain diletakkan motif pucuk rebung ini. Unsur hiasan yang digambarkan pada kain batik tradisional Kelantan merupakan penghayatan alam sekitar dengan persekitaran mereka dengan falsafah, simbol dan emosi masyarakat Melayu. Motif ini sering terdapat pada tradisi orang Melayu kerana mengambil unsur parang rosak. Motif parang yang dihubungkaitkan dengan peperangan dan semangat kepahlawanan. Pada zaman lampau batik Jawa yang menggunakan motif parang hanya dikhususkan untuk golongan istana yang berpangkat kesatria atau pahlawan. Corak motif parang ini disusun secara mereng pada semua permukaan kain sehingga nampak seolah-olah berjalur mereng. Terdapat tiga jenis motif parang iaitu motif parang rosak, parang rosak kritik garuda dan parang kusimo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.3.5 Motif Kipas

Bagi masyarakat Melayu unsur geometri inilah dilukis corak kipas dan dipenuhi dengan motif isen yang bercorak sisik ikan, naga atau ular, pada badan kain batik. Unsur hiasan yang digambarkan pada kain batik tradisional Kelantan merupakan penghayatan alam sekitar dengan persekitaran mereka. Motif geometri ini banyak berunsurkan pengaruh Dong-son. Perkembangan yang seimbang dengan idea tempatan ialah apabila ciri-ciri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

organik dan geometri dipadukan, dimana unsur alam dipilih sebagai motif dan persembahan dalam gaya geometri dan diilhamkan pada batik. Bagi masyarakat Melayu lambang motif kipas melambangkan keriangan dan kegembiraan.


3.2.3.6 Motif Jalur

Motif jalur yang diilhamkan pada batik tradisional Kelantan, biasanya motif ini lukis pada batik sarung, batik panjang, batik pekalongan kelantan dan batik kain ela. Bagi masyarakat Melayu unsur geometri inilah direka atau dilukis penuh pada badan kain batik.

Unsur hiasan yang digambarkan pada kain batik tradisional Kelantan merupakan penghayatan alam sekitar dengan persekitaran mereka. Bagi masyarakat Melayu lambang motif ini menyifatkan seseorang itu dapat digambarkan kesan perasaan kestabilan, kuat dan megah. Kebanyakan corak ini dipenuhi dengan hiasan dengan titik-titik dan garisan halus. Motif geometri asli terdapat dalam susunan garis-garis halus yang pada bahagian badan kain. Garis-garis lurus direka dan disusun berjalur dan memanjang atau melintang.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2.3.1 : Buntut Siput

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986




Rajah 3.2.3.2 : Jalur

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2.3.4 : Kisi-kisi

Sumber: Siti Zainon Ismail, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.4 Motif Kosmos

Unsur kosmos atau cakrawala dipersembahkan melalui gambaran matahari, bulan, bintang, awan berarak, gunung-ganang, bukit-bukau dan lain-lain. Biasanya motif matahari dan bintang dipasang pada muka tebar layar, unsur awan berarak pula sering terdapat pada ukiran yang mengambil pola lengkap. Unsur ini kadang kala digabungkan dengan unsur-unsur tumbuhan dan juga kaligrafi.

3.2.5 Motif Abstrak

Motif abstrak yang dimaksudkan adalah bentuk abstrak dalam konsep tauhid ini ialah bentuk-bentuk yang dihasilkan oleh muslim dengan tujuan untuk tidak menyerupai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bentuk-bentuk yang sebenar seperti motif fauna yang real seperti bentuk asal kejadian yang dijadikan Allah S.W.T.

Corak ini adalah bermotifkan banji, swastika, anyaman(tikar atau dinding pelupuh) dan titik-titik. Corak dalam motif ini adalah selaras dengan konsep tauhid yang mahukan manusia sentiasa merapatkan diri dengan Allah. Antaranya ialah motif kaligrafi yang mempunyai bentuk puaisi dan prosa bertulisan jawi dan setengahnya mengandungi ayat Al-Quran; motif geometri yang digunakan sebagai hiasan tepi dan tengah dan menghasilkan corak yang berbagai-bagai pusat; motif abstrak yang bukan geometri yang digunakan sebagai latar kepada motif-motif lain.

Motif-motif abstrak ini dicipta kerana matlamatnya adalah untuk mengelak diri pengusaha batik daripada terjerumus kedalam perasaan persaingan dengan Maha Pencipta iaitu Allah Taala. Oleh kerana falsafah Islam berbeza dengan falsafah barat yang mana dalam motif ditonjolkan adalah untuk mengekalkan nilai-nilai estatika pada motif itu. Contoh-contoh motif yang telah diabstrakkan seperti rama-rama, ular, naga, ikan, burung yang mana motif ini telah diubah menjadi ringkas mungkin. Serta motif ini di bahagian latar belakang kepada sesuatu pola corak batik tradisional Kelantan. Jikalau motif rama-rama hanya diambil bahagian latar belakang dan kepaknya kepada sesuatu pola corak batik tradisional kelantan. Manakala ular, naga, ikan pula diambil bahagian sisik diabstrak dan burung merak, unggas diambil dibahagian kepak, ekor diubahsuai dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini mengandungi semua bentuk yang tidak termasuk ke dalam kumpulan motif geometri. Ia membentuk corak yang tersendiri atau digunakan sebagai latar kepada motif-motif lain, motif pada batik tradisional juga termasuk anyaman, titik-titik dan swastika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaubagaimanapun motif-motif abstrak tetap dapat diterima oleh masyarakat sama ada Islam, Cina dan India kerana bagi mereka setiap ciptaan oleh pengusaha atau pereka itu mempunyai nilai yang tersendiri bagi falsafah mereka berkaitan dengan agama dan kepercayaan masing-masing.

3.2.6 Motif Kaligrafi

Kaligrafi mengandungi semua bentuk tulisan indah yang terdapat pada berbagai objek seni Islam. Dalam bentuk kaligrafi dalam seni Melayu bermula setelah orang-orang Melayu menerima Islam sebagai pegangan hidup. Unsur-unsur ini mengambil contoh huruf Arab, ayat Al-Quran dan tulisan Jawi. Ada juga unsur kaligrafi yang digabungkan dengan unsur-unsur kosmos dan juga unsur-unsur tumbuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ia amat sesuai jika dimanfaatkan ke dalam pola lengkap.Unsur kaligrafi sering terdapat pada bangunan-bangunan masjid, surau dan rumah. Motif berunsur kaligrafi ini kebanyakan terdapat pada rumah-rumah Melayu lama di Kelantan dan Terengganu. Pencipta cukup memahami perkembangan seni ini dan beliau cuba mengarang unsur-unsur itu dalam setiap reka sama ada dalam bentuk peralatan kegunaan harian dalam rumahtangga seperti kukuran, almari, katil dan hulu senjata, mahupun peralatan dalam permainan masa lapang seperti wau, congkak dan sebagainya dicipta dan direka sebagai motif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.7 Motif Isen

Isen ialah motif pengisian untuk memenuhi kain batik tradisional atau sebagai latar belakang pada sesuatu pola corak. Motif ini dihasilkan dengan corak yang lebih halus pada badan kain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

NILAI ESTETIKA PADA BATIK TRADISIONAL KELANTAN

Motif-motif batik tradisional Kelantan merangkumi motif flora, motif fauna dan motif geometri. Nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan diilhamkan dengan menggunakan motif-motif yang menggambarkan nilai-nilai kelembutan, kesucian, kehalusan kesenian masyarakat Melayu pada batik.

Ada motif-motif batik yang dibentuk mempunyai simbol yang tertentu terutama dalam ragamhias batik panjang. Antaranya ialah motif burung yang menonjolkan bahagaian sayap, kepak, ekor, kepala dan kaki. Contohnya burung garuda ialah raja segala burung dalam mitos Hindu-Jawa. Selain dari itu terdapat juga motif ular naga yang membawa simbol kepada mitos dalam mitos Hindu-Melayu yang menwakali kuasa suci. Motif flora seperti motif bunga tanjung pula adalah melambangkan perkembangan, kesucian dan realisasi kerohanian dan kehidupan manusia. Pucuk rebung pula melambangkan keislaman dan sulur pula memberi simbol kepada konsep tiada kesudahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1: Motif Bunga Cempaka

Sumber : Koleksi Pengkaji

Motif seperti rajah 4.1 ini terdapat dalam dapatan kajian dalam bab IV dan boleh merujuk dalam bab III dan juga boleh dibuktikan dari buku-buku rujukan pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini dapat dibuktikan lagi dalam buku Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi oleh pengarang Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa unsur-unsur biasanya diambil dari bentuk alam (tumbuhan dan binatang) dan dibentuk atau digubah sedemikian rupa hingga menjadi 'motif pusat' yang dapat dianggap sebagai ragamhias utama. Motif dari unsur tumbuhan bunga dianggap sebagai ragambias utama dalam beberapa kraftangan Melayu.

Motif merupakan unsur dalam ragamhias batik, dan motif-motif tambahan disusun dalam ruang-ruang tertentu . Unsur-unsur yang dilukis jelas terdapat dalam kraftangan Melayu tradisi. Setiap motif yang dihasilkan bergantung kepada ciptaan pereka dengan luahan emosi dan persekitaran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam buku Rupa dan Jiwa oleh pengarang Syed Ahmad Jamal (1992) menyatakan bahawa motif tumbuh-tumbuhan ialah satu daripada unsur yang memberi sifat yang tersendiri dalam seni rupa Islam. Motif ini mengalami perubahan bentuk di beberapa peringkat. Bentuk pohon yang asas ialah bentuk pohon anggur, dengan tangkainya yang melengkung. Bagaimanapun, sulur anggur diganti dengan sulur kacang untuk memancarkan identiti tempatan. Garis yang menggambarkan pohon tersebut berbelit-belit, tetapi dalam susunan yang terang dengan motif daun. Garis-garis itu sambung-menyambung tiada pangkal dan tiada hujungnya.

Motif-motif ini disusun mengikut susunan geometri, sehingga terhasil keadaan tenteram, sungguhpun garis-garisnya meliputi permukaan badan. Ada pula gubahan-gubahan kecil diasingkan dalam petak di sisi motif geometri ini. Hasilnya, motif-motif itu mempunyai kedua-dua sifat iaitu keaslian tumbuh-tumbuhan dan bentuk abstrak. Dalam seni logam khususnya seni perak, terdapat penggunaan bentuk tumbuh-tumbuhan yang diasingkan dalam petak reka bentuk caping dengan susunan bedahuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.2 : Motif Sawat

Sumber : Koleksi Pengkaji

Motif seperti rajah 4.2 ini terdapat dalam dapatan kajian dalam bab IV dan boleh merujuk dalam bab III dan juga boleh dibuktikan dari buku-buku rujukan pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Motif fauna juga dipanggil motif binatang bagi masyarakat Kelantan ialah berunsurkan binatang seperti ayam, sawat, kupu-kupu, burung, kijang, rusa, ular, naga dan lain-lain. Motif-motif kupu-kupu, rama-rama, kumbang dan burung biasanya di cetak beriringan dengan reka bentuk tumbuhan yang dijadikan pelengkap begitu juga motif ayam, ular, naga burung merak, kijang biasanya dicetak dengan gaya organik dalam bentuk abstrak.

Dalam buku Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi oleh pengarang Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa pilihan bentuk motif-motif ini sering dicipta sedemikian rupa hingga menimbulkan kesan yang dekoratif terutama dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan eleman tampak yang berulang-ulang. Garis dan warna beirama banyak dijumpai pada batik, sedang warna tunggal (warna emas) menarik. Bentuk burung dan serangga sering menjadi pilihan dan digambarkan dalam bentuk seluruh unsur ini, seperti bentuk rama-rama, ikan dan lain-lain.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.3 : Motif Pucuk Rebung

Sumber : Koleksi Pengkaji

Motif seperti rajah 4.3 ini terdapat dalam dapatan kajian dalam bab IV dan boleh merujuk dalam bab III dan juga boleh dibuktikan dari buku-buku rujukan pustaka.

Garis-garis motif geometri ini untuk hiasan kaki kain atau gigi- susunan garis-garis halus, pucuk rebung, parang rosak, garis-garis lurus yang direka dan disusun menjadi seperti cengkerang, siput, kisi-kisi dan sebagainya. Ianya juga untuk menghiasi kain batik dan pucuk rebung juga sering diletakkan pada bahagian kepala dan kaki kain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bentuk motif untuk lebih bebas, bentuk bunga berpohon atau bunga tunggal yang disusun untuk memperlihatkan corak lebih menarik.

Dalam buku Rupa dan Jiwa oleh pengarang Syed Ahmad Jamal (1992) menyatakan bahawa motif yang sering digunakan pada karya-karya seni rupa di Nusantara ialah "pucuk rebung" . Wargner (1959) berpendapat bahawa selain digunakan sebagai motif hiasan, ia juga menjadi simbol hikmat, mungkin sebelum zaman Dongson, sebagai simbol padi dan kesuburan. " Belum terdapat satu ketetapan sama ada motif hikmat purba atau hanya sebagai hiasan. Apa yang jelas ialah motif ini meyerupai pokok buluh yang masih muda. Berasaskan cara rebung tumbuh dengan tegasnya, motif ini dapat diterima sebagai simbol hikmat kesuburan. Ia juga meyerupai 'pohon hayat' dan 'bunga semangat' sebagai menifestasi alam semulajadi.

Nilai-nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan berkait rapat dengan persekitaran alam semula jadi dengan kehidupan seharian masyarakat Melayu. Nilai estetika dapat dilihat melalui nilai estetika formal dan estetika non formal. Nilai estetika pada motif-motif batik tradisional ini juga berkait rapat dengan hubungan masyarakat Melayu. Motif-motif membayangkan simbol-simbol budaya dan sosial masyarakat dari segi pendidikan, nilai dan norma masyarakat dan motif-motif ini juga menceritakan persejarahan, politik dan sosial masyarakat.

Pertalian hubungan motif-motif tradisional dengan masyarakat Melayu kerana masyarakat Melayu tidak dapat lari dari alam semulajadi, persekitaran kehidupan mereka dimana apa yang mereka lakukan kehidupan atau perbuatan seharian berkait rapat dengan persekitaran dan alam sekeliling. Motif-motif yang dihasilkan berkait rapat dengan perhubungan masyarakat melalui makna dan simbolisme tentang kehidupan masyarakat melalui teguran kebaikan dan keburukan dilambangkan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penghasilan motif-motif. Estetika ini dapat dilihat melalui pengajaran dan pedoman kehidupan masyarakat sama ada eleman akhlak dan moral. Kerana motif-motif ini berkaitan dengan pengaruh dan falsafah kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan pengaruh Buddha, Dong son dan Islam maka luahan-luahan dan simbol mewakili kebudayaan mereka.

Dalam masyarakat Melayu tidak boleh lari dari perkembangan budaya mereka melalui sejarah kehidupan, sosial budaya, kekerabatan, latar belakang masyarakat, peranan ekonomi dan pendidikan, maka pencipta menghiasi batik-batik dengan motif-motif yang berkaitan dengan latar belakang sosial budaya masyarakat Melayu.

4.1 Motif Flora

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1.1: Bunga Cempaka

Sumber: Koleksi pengkaji


Rajah 4.12: Kajian Lakaran Tentang Motif Bunga Chempaka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.1.1 ialah motif bunga cempaka, biasanya motif ini dicorakkan dalam ragam hias yang menghiasi badan kain sarung tradisional Kelantan dengan bentuk pola S. Reka bentuk bunga dengan menggunakan garisan Gothic Arch atau garis lengkung gothic memberi kesan perasaan spritual uplift atau kepercayaan dan harapan religius. Di samping itu juga dipenuhi dalan badan kain dengan kuntum bunga, putik, daun ranting dan juga dihiasi dengan motif isen sebagai tambahan dan memenuhi ruang. Dari segi warna biasanya batik tradisional terutamanya batik lasem ini menggunakan warna merah atau ungu biji kundang, yang melambangkan warna yang berani, selesa dan menyakinkan mestipun warna ini kurang dramatik yang mana keanggunan sesuai untuk watak lelaki dan wanita Melayu yang berani dan bersemangat.. Warna jingga menawarkan keseimbangan antara warna merah iaitu lambang kekuatan, kehidupan dan kebijaksanaan. Warna ungu pula melambangkan kehangatan kehidupan, kebanyakan warna ini digunakan untuk keluasan ruang latar belakang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1.3: Daun Sireh Emas

Sumber: Koleksi pengkaji

Rajah 4.1.4: Kajian Lakaran Tentang Motif Daun Sireh Emas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.1.3 ialah motif tumbuhan iaitu daun sireh manakala rajah 4.1.4 ialah lakaran motif daun sireh yang diilhamkan pada motif batik tradisional Kelantan. Motif ini biasanya dicorakkan dalam ragam hias yang menghiasi badan kain sarung tradisional Kelantan. Selain daripada sebagai bahan makanan tumbuhan ini pada masyarakat Melayu tradisional ialah melambangkan manafaat kepada mereka kerana pokok ini boleh dijadikan ubat dan penawar racun. Masyarakat Melayu tradisional percaya bahawa tumbuhan-tumbuhan merupakan ubat dan penawar yang mustajab bagi mengubati penyakit-penyakit tertentu seperti keracunan makanan, kencing manis, darah tinggi dan sebagainya.

Selain dari menjadi bahan penawar tumbuh-tumbuhan ini juga sebagai pengrasmi adat resam seperti majlis perkahwinan dan menyambut tetamu yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional sebagai lambang kasih sayang dalam keluarga dan masyarakat. Reka bentuk tumbuhan yang di ilhamkan ini dengan menggunakan garisan Gothic Arch atau garis lengkung gothic memberi kesan perasaan spritual uplift atau kepercayaan dan harapan religius. Di samping itu juga dipenuhi dalam badan kain dengan kuntum bunga, putik, daun ranting dan juga dihiasi dengan motif isen sebagai tambahan dan memenuhi ruang.

Dari segi warna biasanya batik tradisional terutamanya batik lasem ini menggunakan warna merah atau ungu biji kundang, yang melambangkan warna yang berani, selesa dan menyakinkan mesti pun warna ini kurang dramatik yang mana keanggunan sesuai untuk watak lelaki dan wanita Melayu yang berani dan bersemangat.. Warna jingga menawarkan keseimbangan antara warna merah iaitu lambang kekuatan, kehidupan dan kebijaksanaan. Warna ungu pula melambangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehangatan kehidupan, kebanyakan warna ini digunakan untuk keluasan ruang latar belakang.




Rajah 4.1.5 : Bunga Teratai

Sumber: Koleksi pengkaji




Rajah 4.1.6: Kajian Lakaran Tentang Motif Bunga Teratai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1.7 : Bunga Teratai

Sumber: Koleksi pengkaji



Rajah 4.1.8: Kajian Lakaran Tentang Motif Bunga Teratai


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1.9 : Bunga Teratai

Sumber: Koleksi pengkaji




Rajah 4.1.10: Kajian Lakaran Tentang Motif Bunga Teratai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1.11 : Bunga Teratai

Sumber: Koleksi pengkaji



Rajah 4.1.12: Kajian Lakaran Tentang Motif Bunga Teratai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Beberapa motif geometri asli dengan bentuk titik-titik atau isen memenuhi celah-celah badan kain. Dalam corak geometri ini terdapat motif-motif flora pada badan kain. Ragamhias ini digunakan pada pakaian tertentu sangat sesuai untuk kaum lelaki yang tidak sesuai digunakan corak flora, dan sesuai juga untuk kaum wanita. Motif geometri ini menggambarkan garisan verticals atau garis-garis vertical, menggambarkan kesan perasaan kestabilan, kuat dan megah. Jika di dilintangkan corak jalur ini merupakan garisan horizontal line atau garis horizontal, yang menggambarkan kesan perasaan ketenangan, repose atau sesuatu yang tidak bergerak.

Penggunaan dan pemilihan warna, seperti unsur tampak Melayu ingain lari dari pengaruh Hindu. Biasanya warna batik –batik ini adalah ungu, warna merah tua atau kemerahan atau warna coklat tua, atau kuning kemerahan-merahan dan sedikit warna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hitam. Warna-warna untuk motif geometri ini kebanyakannya menggunakan warna panas sesuai dipakai oleh kaum lelaki dan wanita. Ada juga warna yang digunakan pada batik seperti warna biru lembut dan hijau. Warna yang biasa digunakan ialah warna latar belakang yang menghangatkan suasana cita rasa dan keadaan yang terang. Warna ini sangat digemari oleh masyarakat Melayu tradisional sebagai lambang ketenangan dan kehormonian yang serasi dengan alam persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V

MOTIF BATIK DAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT MELAYU KELANTAN

5.1 Nilai Estetika Yang Terdapat Pada Motif Batik Tradisional Kelantan

Kebanyakan batik-batik tradisional Kelantan menggunakan motif flora dan motif fauna tetapi lebih menggunakan motif flora. Motif yang biasa digunakan ialah motif flora, motif fauna dan motif geometri. Motif yang digunakan pada masa dahulu adalah kebanyakan dari pengaruh Hinddu-Buddha, Hindu Jawa kerana terpengaruh dengan kepercayaan batik-batik yang dibawa dari pedagang Indonesia atau juga kepercayaan masyarakat Melayu. Memandangkan masyarakat Melayu yang beragama Islam menganggap motif fauna atau motif yang berkaitan dengan kepercayaan Hindu tidak diubah tetapi menggunakan simbol sebagai pengganti motif tersebut dengan mengantikan dengan motif geometri dan abstrak. Yang mana masyarakat Melayu mengekalkan identiti mereka yang tersendiri seperti pucuk rebung, bunga tanjung,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bunga cempaka, bunga raya, bunga mawar dan sebagainya kerana rapat dengan alam persekitaran dan amalan kehidupan mereka seharian dekat dengan alam semulajadi.

Perkembangan motif dalam batik tradisional Kelantan banyak atau kuat pengaruhnya terhadap perubahan suasana dan fenomena alam persekitaran. Motif-motif tradisional Kelantan ini melambangkan adat tatasusila masyarakat Kelantan. Motif-motif ini merupakan wakilan kepada emosi atau luahan perasaan manusia dalam aspek-aspek kehidupan.

Tumpuan kajian penulis pada nilai-nilai estetika yang ada pada motif batik tradisional Kelantan. Nilai estetika dapat dilihat disebalik motif batik tradisional melalui ciptaan yang banyak menggunakan unsur alam semulajadi dan persekitaran yang berkaitan dengan kehidupan rumpun masyarakat Melayu dengan kehidupan seharian. Melalui motif flora dapat digambarkan dari kelompok yang berkembang mekar ibarat atau lambang keperibadian sebagai lemah lembut, sopan santun, pemalu mempunyai budi pekerti, nilai kasih sayang yang ada pada gadis-gadis Melaya. Nilai ini juga dilihat pada hiasan yang menarik dengan penggunaan motif-motif flora, fauna, geometri dan juga dengan motif tambahan seperti abstrak dan isen. Nilai estetika ini juga berkait rapat dengan pengamatan pereka terhadap sesuatu rekaan mereka dengan kehidupan dan suasana persekitaran Melayu yang menekankan kesenian dan keindahan.

Berkaitan dengan pengamatan estetika pula masyarakat Melayu membahagikan kepada estetika formal dan estetika non formal. Pengamatan keindahan dapat digambarkan melalui luahan emosi dan penghayataan digambarkan pada motif-motif persekitaran mereka, yang mana melambangkan kehalusan, kelembutan, kehormonian masyarakat Melayu tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertalian hubungan motif-motif tradisional dengan masyarakat Melayu kerana masyarakat Melayu tidak dapat lari dari alam semulajadi, persekitaran kehidupan mereka dimana apa yang mereka lakukan kehidupan atau perbuatan seharian berkait rapat dengan persekitaran dan alam sekeliling. Motif-motif yang dihasilkan berkait rapat dengan perhubungan masyarakat melalui makna dan simbolisme tentang kehidupan masyarakat melalui teguran kebaikan dan keburukan dilambangkan dengan penghasilan motif-motif. Estetika ini dapat dilihat melalui pengajaran dan pedoman kehidupan masyarakat sama ada eleman akhlak dan moral. Kerana motif-motif ini berkaitan dengan pengaruh dan falsafah kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan pengaruh Buddha, Dong son dan Islam maka luahan-luahan dan simbol mewakili kebudayaan mereka. Dalam masyarakat Melayu tidak boleh lari dari perkembangan budaya mereka melalui sejarah kehidupan, sosial budaya, kekerabatan, latar belakang masyarakat, peranan ekonomi dan pendidikan, maka pencipta menghiasi batik-batik dengan motif-motif yang berkaitan dengan latar belakang sosial budaya masyarakat Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Motif batik dan hubungannya dengan persekitaran.

Motif batik tradisional melalui ciptaan yang banyak menggunakan unsur alam semulajadi dan persekitaran yang berkaitan dengan kehidupan rumpun masyarakat Melayu dengan kehidupan seharian. Melalui motif flora dapat digambarkan dari kelompok yang berkembang mekar ibarat atau lambang sebagai lemah lembut, sopan santun, pemalu mempunyai budi pekerti, nilai kasih sayang yang ada pada gadis-gadis Melaya. Nilai estetika ini juga dilihat pada hiasan yang menarik dengan penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

motif-motif flora, fauna, geometri dan juga dengan motif tambahan seperti motif abstrak dan motif isen.

Tumbuhan yang biasa menjadi inspirasi pelukis ialah tumbuh-tumbuhan menjalar ataupun pohon-pohon yang mengeluarkan bunga. Motif tumbuhan sangat sesuai dibentuk dan digayakan mengikut kebijaksanaan pengukir.Tumbuh-tumbuhan yang sering menjadi sumber ilham ialah ketam guri, kerak nasi, ketola, peria, saga kenering, kala bukit, daun salad, bunga lawang, bunga raya, bunga cina dan sebagainya



Rajah 5.2.1 : Motif Bunga Mawar

Sumber : Koleksi Pengkaji



Motif 5.2.2 : Motif Bunga Raya

Sumber : Koleksi Pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 5.2.3 : Motif Ayam Jantan

Sumber : Koleksi Pengkaji




Motif 5.2.4 : Ikan

Sumber : Koleksi Pengkaji



Rajah 5.2.5 : Motif Pucuk Rebung

Sumber : Koleksi Pengkaji



Motif 5.2.6 : Motif Buntut Siput

Sumber : Koleksi Pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Motif seperti rajah 5.2.1, 5.2.2, 5.2.3, 5.2.4, 5.2.5 dan rajah 5.2.6 ini terdapat dalam dapatan kajian dalam bab IV dan boleh merujuk dalam bab III dan juga boleh dibuktikan dari buku-buku rujukan pustaka.

Dalam rajah 5.2.1 dan rajah 5.2.2 juga motif ini dikaitkan dengan falsafah, pengaruh persekitaran, keagamaan atau kepercayaan sesuatu kaum. Terdapat beberapa jenis motif yang sering digunakan iaitu motif tumbuhan, motif fauna dan motif geometri, motif kosmos, motif kaligrafi dan motif hiasan tambahan. Motif yang dicipta ada kaitan dengan kehidupan orang melayu. Bunga-bunga juga melambangkan gadis dan wanita Melayu. Setiap motif yang menarik mestilah dikaitkan oleh pereka atau pandai tukang yang mahir.

Dalam buku Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi oleh pengarang Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa batik ialah sejenis tekstil (kain) yang dihasilkan melalui proses menerap lilin dan mencelup warna. Terdapat berbagai bentuk dan corak hiasan pada permukaan kain batik. Corak-corak hiasan ini dikenali sebagai motif. Bentuk-bentuk motif batik dihasilkan dalam dua bentuk utama iaitu motif organik dan motif geometri. Motif organik berunsurkan alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan, bunga-bungaan, burung, unggas dan binatang. Contoh motif organik seperti motif bunga raya, bunga orkid, akar-akar menjalar, bunga kerak nasi, daun sireh, bunga buluh, motif ayam, rama-rama dan bermacam-macam lagi.

Tumbuhan yang dijadikan bahan ukiran ialah yang tumbuh di sekitar kawasan rumah dan di sekitar tempat yang sering dikunjungi beliau sama ada di belantara atau di tepian sungai atau di semak samun yang difahaminya kerana dipelajari oleh guru mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tumbuhan yang biasa menjadi inspirasi pelukis ialah tumbuh-tumbuhan menjalar ataupun pohon-pohon yang mengeluarkan bunga. Motif tumbuhan sangat sesuai dibentuk dan digayakan mengikut kebijaksanaan pengukir. Tumbuh-tumbuhan yang sering menjadi sumber ilham ialah ketam guri, kerak nasi, ketola, peria, saga kenering, kala bukit, daun salad, bunga lawang, bunga raya, bunga cina dan sebagainya.

Dalam rajah 5.2.3 dan rajah 5.2.4 juga motif ini terdapat dalam dapatan kajian dapat menggambarkan bahawa motif ini diambil dan direka sebagai motif. Boleh rujuk dalam bab III dan juga buku rujukan pustaka.

Walau bagaimanapun kewujudan motif-motif fauna bagi masyarakat Melayu diharamkan kerana ajaran agama Islam, tetapi bangsa lain tidak mengapa. Untuk mengekalkan motif-motif tradisional ini maka pengusaha batik telah mencipta dalam bentuk organik dan abstrak. Oleh kerana motif-motif asal telah diubahsuai maka masyarakat Melayu dapat menerima dan akan mewujudkan motif tradisional itu walaupun dipercayai dipengaruhi oleh kepercayaan magis atau Hindu- Buddha.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam buku Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi oleh pengarang Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa masyarakat Melayu mencipta ragamhias kraftangan berdasarkan unsur alam. Unsur alam diolah sedemikian rupa sebagai imej yang berkembang dari perenungan serta pengalaman dan kepercayaan lampau. Unsur dari awan menjadikan awan larat, begitu juga dengan kehidupan di hutan yang dekat dengan sumber tumbuhan dan binatang serta unggas.

Persekitaran masyarakat Melayu sangat dekat dengan alam persekitaran, biasanya bahan-bahan yang ditiru merupakan makanan atau kegunaan seharian mereka,serta memberi lambang atau simbol dalam sesuatu hal sekeliling mereka. Apa yang dilihat maka diolah atau dicipta dengan menarik dan bermakna. Masyarakat pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
masa itu tinggal berdekatan dengan kebun, sawah padi, bukit, tepi pantai dan juga sungai.

Dalam rajah 5.2.5 dan rajah 5.2.6 juga merupakan motif geometri ini terdapat dalam dapatan kajian . Boleh rujuk dalam bab III dan juga buku rujukan pustaka.

Garis-garis motif geometri ini untuk hiasan kaki kain atau gigi- susunan garis-garis halus, pucuk rebung, parang rosak, garis-garis lurus yang direka dan disusun menjadi seperti cengkerang, siput, kisi-kisi dan sebagainya. Ianya juga untuk menghiasi kain batik dan pucuk rebung juga sering diletakkan pada bahagian kepala dan kaki kain. Bentuk motif untuk lebih bebas, bentuk bunga berpohon atau bunga tunggal yang disusun untuk memperlihatkan corak lebih menarik.

Dalam buku Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi oleh pengarang Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa motif pucuk rebung atau berbagai ragamhias dan awan larat lainnya. Kehidupan yang terbuka kepada hutan rimba, belukar serta pemandangan bebas di kawasan pantai, manusia Melayu seperti mempunyai ruang luas untuk menghayati unsur alam. Buluh merupakan bahan penting bagi masyarakat Melayu sejak zaman pra sejarah lagi. Ia dijadikan bahan untuk perlindungan dan kelengkapan seperti membuat rumah, kenderaan (rakit dan perahu), alat-alat mencari ikan, bakul, bubu dan lain-lain. Malah buluh juga dijadikan bahan falsafah untuk menyampaikan amanat dan ajaran, " untuk melentur buluh biar dari rebung" atau " seperti aur dengan tebing.

Pada batik-batik tradisional Kelantan juga di hiasi dengan ragamhias estetika. Di sebalik ragamhias estetika ini wujuk nilai estetika yang dapat dilihat melalui estetika formal dan estetika non formal. Nilai estetika ini juga berkait rapat dengan pengamatan pereka terhadap sesuatu rekaan mereka dengan kehidupan dan suasana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaraan Melayu yang menekankan kesenian dan keindahan. Motif-motif juga digambarkan dengan luahan emosi atau perasaan penciptaanya berdasarkan pengaruh persekitaran.

Pengaruh yang dibawa masuk oleh pedagang-pedagang ke Tanah Melayu banyak memberi kesan kepada masyarakat. Kebanyakan motif-motif flora diilhamkan kerana berdekatan dengan kehidupan seharian masyarakat Melayu. Motif-motif fauna diolah dan dipermudahkan dan diringkaskan untuk dicipta kerana mengikut kepercayaan masyarakat Melayu dimana unsur fauna tidak boleh digunakan dalam penciptaan mengikut agama Islam. Tetapi unsur-unsur motif lain tidak ketinggalan seperti motif geometri dan motif-motif tambahan seperti motif abstrak dan motif isen.

Dalam motif-motif ini juga dapat menggambarkan rumpun Melayu yang berkerjasama dan hormat menghormati sesama bangsa mereka dan juga masyarakat Melayu tidak boleh lari dengan alam sekelilingnya yang menjadi semangat dan pengajaran dalam kehidupan meraka seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Motif batik dan hubungannya dengan pemikiran masyarakat Melayu

Di negeri Kelantan motif yang biasa digunakan ialah motif flora, fauna dan geometri pada kain-kain batik pada masa dahulu. Motif dahulu selalu menggunakan pengaruh Hindu- Buddha, Hindu Jawa kerana terpengaruh dengan kepercayaan mereka. Batik-batik yang dibawa oleh pedagang-pedagang Indonesia atau juga sebilangan masyarakat kelantan telah menganuti agama tersebut. Memandangkan masyarakat Melayu yang beragama Islam menganggap motif fauna adalah motif yang berkaitan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepercayaan Hindu yang diubah. Yang mana masyarakat Melayu mengekalkan identiti mereka yang tersendiri seperti pucuk rebung, bunga tanjung, bunga cempaka dan sebagainya.

Motif mempunyai maksud yang tersendiri. Terdapat pelbagai jenis motif yang di aplikasikan pada batik sarung Kelantan. Motif tumbuh-tumbuhan (flora) seringkali digunakan sebagai objek. Motif fauna dan geometri juga sering kali digunakan diatas batik tradisional. Kebanyakan motif melambangkan keadaan alam semulajadi yang dilukis secara realiti.

Unsur motif utama dalam ragamhias merupakan sesuatu yang dijadikan dasar pada lukisan dan corak pada permukaan kraf yang lain. Apabila beberapa bentuk motif disusun dalam ruang-ruang tertentu, maka terciptalah corak pada satu-satu permukaan kraftangan. Dengan erti kata lain, istilah motif dan corak digunakan kepada keseluruhan unsur ragamhias pada batik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ada motif-motif batik yang dibentuk mempunyai simbol yang tertentu terutama dalam ragamhias batik panjang. Antaranya ialah motif burung yang menonjolkan bahagaian sayap, kepak, ekor, kepala dan kaki. Contohnya burung garuda ialah raja segala burung dalam mitos Hindu-Jawa. Selain dari itu terdapat juga motif ular naga yang membawa simbol kepada mitos dalam mitos Hindu-Melayu yang mewakali kuasa suci. Motif flora seperti motif bunga tanjung pula adalah melambangkan perkembangan, kesucian dan realisasi kerohanian dan kehidupan manusia. Pucuk rebung pula melambangkan keislaman dan sulur pula memberi simbol kepada konsep tiada kesudahan.

Motif yang sering digunakan seperti pucuk rebung dalam karya penghasilan batik bahawa selain digunakan sebagai motif hiasan, ia juga menjadi simbol hikmat,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mungkin sebelum zaman Dongson, sebagai simbol padi dan kesuburan, motif hikmat atau sekadar hiasan. Motif ini meyerupai pokok buluh yang masih muda. Berasaskan cara rebung tumbuh dengan tegasnya, motif ini dapat diterima .

Sebagai simbol hikmat kesuburan. Ia juga menyerupai 'pohon hayat' dan 'bunga semangat' sebagai manifestasi alam semulajadi oleh masyarakat melayu. Tidak terdapat penggunaan bentuk tumbuhan yang khas sebagai motif batik, kecuali bentuk pucuk rebung sebagai hiasan di kepala dan kali kain. Sebaliknya kebanyakan bentuk tumbuhan yang digunakan dipengaruhi oleh persekitaran.

Motif yang sering digunakan pada batik tradisional biasa dikaitkan dengan amalan atau falsafah kehidupan seharian orang melayu. Selain sebagai hiasan, ia juga sebagai simbol hikmat atau simbol simbolik pada setiap masyarakat nusantara. Motif batik pada masyarakat melayu membawa makna atau lambang kelembutan pada bangsa melayu itu sendiri. Ini terbukti nilai-nilai sopan santun, rukun damai, hormat menghormati, kerjasama, tolong menolong dan sebagainya. Keperibadian inilah diluahkan pada motif-motif batik tradisional sebagai satu lambang kebanggaan masyarakat melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu juga motif ini dikaitkan dengan falsafah, pengaruh persekitaran, keagamaan atau kepercayaan sesuatu kaum. Terdapat beberapa jenis motif yang sering digunakan iaitu motif tumbuhan, motif fauna dan motif geometri, motif kosmos, motif kaligrafi dan motif hiasan tambahan. Motif yang dicipta ada kaitan dengan kehidupan orang melayu. Setiap motif yang menarik mestilah dikaitkan oleh pereka atau pandai tukang yang mahir.

Kehalusan penghasilan motif batik memberi kesan dan daya tarikan yang sesuai dibuat pakaian dan bahan gunaan lain dan mempunyai kepentingan kerohanian dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perasaan yang mendalam yang bersifat visual yang perlu didalami oleh warisan bangsa. Motif-motif yang dihasilkan berkait rapat dengan perhubungan masyarakat melalui makna dan simbolisme tentang kehidupan masyarakat melalui teguran kebaikan dan keburukan dilambangkan dengan penghasilan motif-motif. Nilai-nilai kelembutan, sopan santun, hormat menghormati, bersatu padu, kerjasama dan lain-lain digambarkan pada motif batik dengan luahan emosi masyarakat pada masa itu.

Pertalian hubungan motif-motif tradisional dengan masyarakat Melayu kerana masyarakat Melayu tidak dapat lari dari alam semulajadi, persekitaraan kehidupan mereka dimana apa yang mereka lakukan kehidupan atau perbuatan seharian berkait rapat dengan persekitaran dan alam sekeliling.

Dalam buku Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi oleh pengarang Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa negeri Kelantan adalah negeri mempunyai banyak kawasan lembah sungai yang menjadi tumpuan manusia. Sebilangan besar penduduk Kelantan tertumpu di kiri kanan Sungai Kelantan dan di anak-anak sungai begitu juga raja dan pembesar membina tempat tinggal atau kubu istana di kuala-kuala atau pun sepanjang sungai-sungai. Bentuk muka buminya yang sesuai untuk bercucuk tanam seperti menanam padi (di sawah) dan padi huma di kawasan bukit, semua anggota keluarga terbabit serta bekerja sebagai tukang kayu dan tukang besi dan penduduk di pesisiran pantai bekerja sebagai nelayan. Di awal perkembangan perusahaan batik di Kota Bharu terdapat di sekitar satu hingga empat belas kilometer persegi terutama sekali di tebing Sungai Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.3.1 : Motif Bunga Teratai

Sumber : Koleksi Pengkaji

Motif seperti rajah 5.3.1 ini terdapat dalam dapatan kajian dalam bab IV dan boleh merujuk dalam bab III dan juga boleh dibuktikan dari buku-buku rujukan pustaka.

Bagaimanapun batik Kelantan yang dihiasi dengan motif dipercayai mempunyai banyak pengaruh Indonedia, Hindu dan Buddha. Bagaimanapun ciptaan yang dibuat tidak lari dari ciri-ciri kepercayaan tahayul, agama dan kedudukan seseorang yang akan menjadi pemakaian seharian mereka. Motif flora ini dikaitkan atau direka kerana ianya ada hubungan rapat masyarakat dengan alam sekeliling dan falsafah bagi mereka seperti bunga teratai dan pucuk rebung yang membawa maksud yang pelbagai bagi setiap kaum mengikut kepercayaan masing-masing.

Dalam buku Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi oleh pengarang Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa motif dari unsur alam semulajadi dipilih dari bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bunga, putik, daun ranting (dahan). Bentuk ini disusun secara tunggal (sekuntum) seperti yang sering menghiasi batik ela, susun menjalur datar dengan bentuk lembut dari bentuk helaian daun, kelopak serta ranting dan bunga. Terdapat juga bunga disusun berdahan tegak yang selalu menghiasi bahagian badan batik sarung.

Motif bunga teratai yang membawa maksud yang sama bagi masyarakat Melayu, Cina dan India yang memberi makna atau simbol kesucian iaitu konsep ketuhanan dan kealaman dari lambang bunga teratai itu terpancar lambang kebudayaan masing-masing. Oleh itu mereka menyatakan bahawa bunga teratai adalah kunci segala kunci.

Ini dapat dibuktikan dalam buku Bentuk-Bentuk Bangunan Masjid Lama Memahami Kebudayan Melayu oleh pengarang Abdullah Muhammad (1978) menyatakan bahawa seluruh konsep ketuhanan dan kealaman orang-orang Melayu disari dan diperlambangkan pada bunga teratai yang menjadi asas dari segala lambang. Dari bentuk lambang bunga teratai ini terpancar segala lambang dalam kebudayaan Melayu, dikatakan kunci untuk memahami bentuk-bentuk masjid itu. Oleh itu dapat dikatakan bahawa bunga teratai ini adalah " kunci segala kunci".

Dalam buku Mengukir Kegemilangan Lalu oleh pengarang Othman Yatim (1997) menyatakan bahawa bunga teratai ialah sejenis tumbuhan air. Motif ini melambangkan keteguhan iman, kesucian, ketabahan dan kerukunan.Maka motif bunga teratai ini sangat rapat dengan masyarakat Melayu kerana ada pertalian dengan alam sekeliling.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.3.2 : Motif kupu-kupu

Sumber : Koleksi Pengkaji

Motif seperti rajah 5.3.2 ini terdapat dalam dapatan kajian dalam bab IV dan boleh merujuk dalam bab III dan juga boleh dibuktikan dari buku-buku rujukan pustaka.

Walau bagaimanapun kewujudan motif-motif fauna bagi masyarakat Melayu diharamkan kerana ajaran agama Islam, tetapi bangsa lain tidak mengapa. Untuk mengekalkan motif-motif tradisional ini maka pengusaha batik telah mencipta dalam bentuk organik dan abstrak. Oleh kerana motif-motif asal telah diubahsuai maka masyarakat Melayu dapat menerima dan akan mewujudkan motif tradisional itu walaupun dipercayai dipengaruhi oleh kepercayaan magis atau Hindu- Buddha.

Dalam buku Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi oleh pengarang Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa masyarakat Melayu lama percaya beberapa bentuk tumbuhan dan binatang mempunyai kuasa mangis yang tersendiri. Mungkin sebagai simbol atau amanat. Kepercayaan ini berlangsung dari zaman pra sejarah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bercampur dengan unsur Hindu. Disamping itu pengalaman dari hidup itu sendiri lebih merupakan faktor penting misalnya kepercayaan kepada "mana" atau pantang larang.

Dalam penghasillan motif batik tradisional Kelantan tidak digalakkan penggunaan motif hidupan kerana pegangan agama. Walau bagaimanapun orang-orang Melayu kini sudah beragama Islam, maka itu sudah terdapat hubungan batik dengan Islam, melalui estetika formal dan estetika non formal.


Masyarakat Melayu amat kuat dengan sistem kepercayaan, adat resam, musim, daerah, pekerjaan rakyat dan alam. Motif –motif yang dicipta melambangkan keperibadian daerah itu yang membezakan daerah dengan daerah yang lain. Motif hidupan umpama kupu-kupu memberi penekanan kepada kategori motif yang digunakan dalam bentuk selikan disana-sini, dicelah-celah tumbuhan. Motif-motif ini melambangkan keriangan. Masyarakat Melayu mengayakan motif-motif bersesuaian dengan masyarakat Melayu .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Motif –motif fauna berasal dari bentuk-bentuk yang bernyawa. Bentuk-bentuk digayakan sehingga dihilangkan sifat-sifat semulajadinya sehingga ia bersifat infiniti. Motif dilukis dengan gaya organik tapi dibentuk dalam seni abstrak. Motif ini sering dicetak seiringan dengan motif tumbuhan. Antaranya ialah motif kupu-kupu, kumbang, burung, ayam, merak, rusa, kijang, manusia, ular, naga dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.3.3 : Motif Pucuk Rebung

Sumber : Koleksi Pengkaji

Motif seperti rajah 5.3.3 ini terdapat dalam dapatan kajian dalam bab IV dan boleh merujuk dalam bab III dan juga boleh dibuktikan dari buku-buku rujukan pustaka.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagaimana yang dijelaskan batik tradisional Kelantan kaya dengan motif-motif geomerti. Biasanya motif pucuk rebung, kawang, kisi-kisi dan sebagainya sering digunakan sebagai kepala kain. Motif-motif ini amat serasi dengan kehendak dan matlamat estetika pada corak kain dan juga estetika seni Islam. Dari motif-motif fauna telah diubah kepada bentuk geometri kerana bagi mereka yang beragama Islam bahawa motif binatang diharamkan dalam ajaran Islam, maka motif ini telah diubah suai setelah masyarakat Melayu dapat menerima motif ini dalam mereka kehidupan mereka.

Motif-motif batik Kelantan mempunyai seribu pengertian oleh rumpun masyarakat Melayu. Motif ini diilhamkan diatas kain dan menampakkan kehalusan seni yang dihasilkan dari emosi atau perasaan berdasarkan pengaruh persekitaran. Motif ini juga melambangkan ciri-ciri identiti masyarakat. Estetika ini dapat dilihat melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.3.3 : Motif Pucuk Rebung

Sumber : Koleksi Pengkaji

Motif seperti rajah 5.3.3 ini terdapat dalam dapatan kajian dalam bab IV dan boleh merujuk dalam bab III dan juga boleh dibuktikan dari buku-buku rujukan pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagaimana yang dijelaskan batik tradisional Kelantan kaya dengan motif-motif geomerti. Biasanya motif pucuk rebung, kawang, kisi-kisi dan sebagainya sering digunakan sebagai kepala kain. Motif-motif ini amat serasi dengan kehendak dan matlamat estetika pada corak kain dan juga estetika seni Islam. Dari motif-motif fauna telah diubah kepada bentuk geometri kerana bagi mereka yang beragama Islam bahawa motif binatang diharamkan dalam ajaran Islam, maka motif ini telah diubah suai setelah masyarakat Melayu dapat menerima motif ini dalam mereka kehidupan mereka.

Motif-motif batik Kelantan mempunyai seribu pengertian oleh rumpun masyarakat Melayu. Motif ini diilhamkan diatas kain dan menampakkan kehalusan seni yang dihasilkan dari emosi atau perasaan berdasarkan pengaruh persekitaran. Motif ini juga melambangkan ciri-ciri identiti masyarakat. Estetika ini dapat dilihat melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pedoman kehidupan masyarakat sama ada eleman akhlak dan moral. Kerana motif-motif ini berkaitan dengan pengaruh dan falsafah kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan pengaruh Buddha, Dong son dan Islam maka luahan-luahan dan simbol mewakili kebudayaan mereka.

Dalam masyarakat Melayu tidak boleh lari dari perkembangan budaya mereka melalui sejarah kehidupan, sosial budaya, kekerabatan, latar belakang masyarakat, peranan ekonomi dan pendidikan, maka pencipta menghiasi batik-batik dengan motif-motif yang berkaitan dengan latar belakang sosial budaya masyarakat Melayu.

Motif-motif yang dihasilkan sentiasa kreatif, menarik, bergaya, selesa dengan cita rasa budaya bangsa. Motif-motif ini dikekalkan dan pengolahannya yang baik merupakan usaha dan amalan yang sangat bermakna dalam sejarah kehidupan masyarakat Melayu. Dengan pelbagai unsur motif yang menarik dan berkembang dengan nilai estetika yang bernilai dan disanjung tinggi. Disebalik keindahan motif-motif batik tradisional ini juga membayangkan simbol-simbol budaya masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maka dapatlah disimpulkan bahawa nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan diilhamkan dengan motif-motif yang menggambarkan nilai-nilai kelembutan, kehalusan, kesenian masyarakat Melayu pada batik. Nilai-nilai estetika merangkumi kebaikan demi kepentingan diri dan masyarakat, dapat juga digambarkan melalui warna, garisan, titik-titik, contengan dan sebagainya. manakala nilai estetika juga dapat digambarkan melalui falsafah, emosi, makna dan simbol yang mempengaruhi masyarakat Melayu. Dalam motif-motif ini juga dapat memperlihatkan rumpun Melayu yang berkerjasama dan hormat menghormati sesama bangsa mereka dan juga masyarakat. Melayu sangat rapat dengan alam sekelilingnya dan menjadi semangat dan pengajaran dalam kehidupan mereka seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V1

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan

Kepentingan kraf tradisional batik boleh dilihat dari beberapa aspek. Dari segi kesenian kraf batik juga menampakkan daya kretiviti dari segi estetika, rekacorak yang amat tinggi nilainya dikalangan penciptanya. Nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan dapatlah dilihat dan diberi makna pada motif berkaitan dengan persekitaran dan masyarakat.

Motif-motif batik tradisioanal Kelantan amat menarik, ada beberapa motif yang diaplikasikan dalam batik Kelantan. Motif motif tersebut seperti motif flora, motif fauna, motif geometri dan motif pengisian dan isen dengan menggunakan unsur-unsur alam. Motif-motif batik tradisional dahulu masih lagi digunakan pada masa kini seperti motif flora. Motif fauna digunakan pada batik tradisional yang terdahulu tetapi pada masa kini amat sukar untuk mendapatkan motif fauna. Motif-motif geometri dan motif pengisian masih digunakan hingga sekarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disebalik keindahan batik tradisional ini juga merupakan bayangan simbol-simbol budaya dan sosial masyarakat, sebaliknya batik tradisional ini juga merupakan satu peninggalan sejarah seratus tahun dahulu. Dari segi pengeluarannya didapati bahawa organisasi kerjanya begitu teliti sekali. Semua aspek ini menjadi kajian yang lebih menarik.

Dapatan daripada kajian yang dijalankan terhadap nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan memberi gambaran sebenar mengapa motif tersebut menjadi pilihan masyarakat Melayu Kelantan. Antara lain pemilihan unsur-unsur motif alam memberi gambaran bahawa aspek pemikiran masyarakat adalah lahir daripada hubungan rapat antara alam dengan mereka.

Nilai yang dipaparkan dalam motif melambangkan falsafah keindahan masyarakat, melalui penghasilan motif yang lembut dan halus seiring dengan peribadi mereka. Bunga-bungaan yang menjadi motif turut dimanifastasikan sebagai penegasan dan pengertian dalam kehidupan dan pandangan hidup orang Melayu. Inspirasi pemilihan motif-motif bunga tertentu berdasarkan pada pengalaman hidup yang dapat dilihat melalui fizikal dan sifat-sifat semulajadi tumbuhan itu.

Motif flora seperti bunga teratai dianggap sebagai lambang kesucian dalam upacara adat dan bunga kundur yang hidup dicelah-celah semak itu tahan dan lasak kehidupannya, maka dijadikan motif sebagai lambang kemegahan. Manakala bunga-bunga gantang membawa pengertian dan aneka ragam dalam hiraki kehidupan atau states kehidupan manusia.

Selain dari itu nilai-nilai estetika merangkumi estetika formal dan estetika non formal yang mempunyai kaitan langsung dengan adat, amalan harian dan kepercayaan masyarakat setempat. Pemilihan unsur flora, fauna dan geometri seperti bunga teratai,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pucuk rebung, ayam jantan, parang rosak dan sebagainya, dipengaruhi oleh simbol kekuatan yang memberi makna yang tersirat dalam estetika formal dan estetika non formal.

Nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan tidak terbatas pada estetika formal sahaja malah merangkumi estetika non formal yang perlu dibuat kajian.

6.2 Cadangan

Setelah pengkaji membuat kajian tentang penulisan ilmiah ini ternyata banyak lagi kekurangan dalam kajian ini. Tajuk yang pengkaji pilih ialah nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan. Dalam tajuk ini didapati ada beberapa masalah bagi pengkaji memahami dengan lebih jelas lagi tentang motif-motif batik yang dicipta malah khusus berkaitan dengan apakah yang dikatakan motif batik tradisional Kelantan, nilai-nilai estetika disebalik motif batik dan kaitan motif dengan masyarakat Melayu pada masa itu.

Pengkaji mencadangkan pembatik-pembatik atau pencipta motif diberi latihan yang khusus oleh pihak tertentu yang terlibat dengan industri membatik hari ini supaya motif-motif tradisional dikekalkan dan dipertingkatkan lagi hingga kehari ini supaya nilai-nilai estetika tetap menarik dan lebih kreatif dalam penghasilan mereka. Motif-motif tradisional ini juga dikekalkan pengkaryaannya menjadi lambang rumpun Masyarakat Melayu dahulu dan hari ini.

Nilai-nilai estetika pada motif batik tradisional Kelantan ini merangkumi estetika, filsafat, ilmu dan seni maka wajarlah dijadikan sumber ilmu dan motif-motif ini dipakai guna atau dikekelkan hingga kehari ini. Nilai-nilai estetika yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digambarkan pada motif batik ini juga boleh menjadi pengajaran pada masyarakat masa kini dan juga sebagai nilai-nilai dalam masyarakat.

Kepentingan kraf tradisional batik ini boleh dilihat dari beberapa aspek. Dari segi kesenian batik ini juga menampakkan daya kreativiti dari segi estetika, reka corak yang amat tinggi di kalangan penciptanya. Pada motif batik tradisional ini dapatlah memberi makna pada motif yang mempunyai nilai yang tersendiri.

Dari segi Kemahiran dan pengetahuan maka dapatlah diketahui bahawa masyarakat yang terawal hingga kehari ini mewarisi batik. Batik tradisional Kelantan ini juga dapat memjadi warisan kepada masyarakat kini bahawa ianya tetap wujud dari dahulu hingga sekarang.

Pelbagai inisiatif dan kaedah perlu diutarakan mempelbagaikan dan memperkayakan seni batik. Kesedaran dan pengamatan terhadap motif yang dihasilkan lahir dari penciptaan seni, karyawan dan usahawan agar lebih peka untuk menghayati dan mengamati nilai estetika dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menyarankan bahawa pelajar-pelajar atau genarasi yang melibatkan diri dalam aktiviti batik dapat membuat kajian pada motif-motif batik yang ada di istana dan mazium dan pengkaji juga mencadangkan pihak yang terlibat dengan kesenian untuk memperluaskan idea untuk memperkembangkan nilai estetika pada motif-motif batik tradisional Kelantan di mata dunia.

Semuga batik tradisional Kelantan dapat dikekalkan sebagai imej kepada warisan bangsa. Tekstil ini juga dapat memelihara ilmu pembuatan tekstil tradisional adalah wajar memandangkan bahawa tekstil ini merupakan khazanah negara. Dan seterusnya agar ianya berkekalan dan dapat mengekalkan motif-motif yang membawa simbol dan lambang kepada kaum walaupun dilanda arus pemodenan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdullah Muhammad, Bentuk-Bentuk Bangunan Masjid Lama Memahami Kebudayaan Melayu, (Malaysia : Kementerian Kebudayaan & Kesukanan)(1978)

Amir Dasan Dawi, Penteorian Sosiologi dan Pendidikan, (Tanjong Malim : Quantum books).(1999)

Anderson M. Donald , Element of Design, (New York: Holt, Rinehart and Winston).(TT)

Aziz Deraman, Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia, (Malaysia: Kementerian Kebudayaan dan Sukan).(1975)

Azah Aziz, Selayang Kenangan, (Selangor Darul Ehsan: Amk Interaksi Sdn Bhd, Sun U. Cook Co Sdn Bhd).(1990)

David Kaplan dan Albert A Manners, Teori Budaya, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar)(1999)

Dharsona Sony Kartika, Nanang Ganda Prawira, Pengantar Estetika, (Yogyakarta: Rekayasa). (2004)

Eisner, Elliot W, The Englightened Eye: Qualitative Inquiry and The Enchancement of Education Practice, (New York : Macmillan). (1991)

Feldman, Edmund Burke , Varieties of Visual Experience Fourth Edition,(New York: Harry N. Abrams, Inc).(1992)

Franz Booz , Primitive Art,(New York : Dover Publications, Inc).(1955)

Goldstein, Harrient and Vettar, Art In Everyday Life, (New York: Mc Millen Company).(TT)

Hari Poerwanto, Kebudayaan dan Lingkungan dalam Perspektif Antropologi (Yogyakarta : Pustaka Pelajar).(2000)

Hassan Mohd Ghazali, Teks Lengkap Pendidikan Seni Visual Tingkatan 4 dan 5, (Selangor Darul Ehsan : Fajar Bakti).(1999)

Http : images. geogle. Com.my/images.

Iberahim Hassan, Matlamat dan Objektif Pendidikan Seni Visual Sekolah : Dalam Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual, (Kuala Lumpur)(2000)

Ishak Saat, Sejarah Sosiabudaya Melayu, (Shah Alam : Karisma Publication).(2006)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Izani Mat II, Roskang Jailani, Abu Bakar Sabran, Kraf Dalam Pendidikan Seni : Anrata Kontekstual dan Esensial : Dalam Prosiding Seminar Apresiasi Kraf : Kraf Seni dan Budaya, (Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris).(2003)

John W. Crewell, Qualitative Inquiry and Research Design Choosing *Among* Five Tradition.(California : Sage Publications).(1998)

Ladislay Matejka dan Irwin R. Titunik, Semiotics of Art, (New York : University Press).(1993)

Merriam, Sharun B, Qualitative Research and Case Study Application in Education , (San Francisco : Jossey – Bass Publishers).(1998)

Md Nasir Ibrahim, Iberahim Hassan, Pendidikan Seni Untuk Maktab dan Universiti, (Bentong : PTS Publications and Distributors). (2003)

Mohd Majid Konting, Kaedah Penyelidikan Pendidikan, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka).(2004)

Othman Yatim, Mengukir Kegemilangan Lalu, (Malaysia : Kementerian, Kesenian Dan Pelancongan).(1997)

Pauziah Hj Abdullah, Sejarah Perusahaan Batik, dalam Beberapa Espek Warisan : Kelantan II :(Kelantan : Perbadanan Mazium Negeri Kelantan). (1983)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Risieri Frondizi, Pengantar Filsafat Nilai. (Yogyakarta : Pustaka Pelajar).(2001)

Roselan Abdul Malik dan Azmi Yusoff, Kelantan Darulnaim, (Selangor Prime Sdn Bhd, Yeoh Princo Sdn Bhd).(1998)

Rudolf Arnhelm, Art and Visual Perception, (Berkeley Los Angels. London : University of California Press).1974)

Siti Zainon Ismail, Rekabentuk kraftangan Melayu Tradisi, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.).(1986)

Syed Ahmad Jamal, Rupa dan Jiwa (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka).(1992)

Tjetjep Rohendi Rohidi, Kesenian Dalam Pendidikan Kebudayaan, (Bandung : Stisi Press).(2006)

_____, Penyelidikan Pendidikan Menuju Kemajmukan Paradigma, (Tanjong Malim : Fakulti Seni dan Muzik , UPSI).(2006)

Watkins, C. Low, The Language of Design, (Washington D. C : Philips Memorial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gallery).(TT)

Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, Tradisi Dan Perubahan Masyarakat dan Budaya Melayu, (Kuala Lumpur : Pustaka Ilmu).(2002)

Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, Penyataan Budaya, (Petaling Jaya : Masfami Enterprise).(1993)

Williams, Roymood, Culture, (Britain : Foutana Paperbooks).(1981)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi